

## BAB 5

### AMALAN PERHIASAN DIRI DAN PAKAIAN

#### 5.1 Pengenalan

Menghiaskan diri dengan barang-barang perhiasan dan pakaian merupakan salah satu perlakuan umum. Semua masyarakat di dunia ini mengamalkan perlakuan ini. Aktiviti harian manusia merangkumi perhiasan diri dan pemakaian. Manusia memakai dan menghiaskan diri untuk mencantikan diri luaran. Pelbagai jenis pakaian dan barangan kosmetik digunakan untuk perhiasan diri. Masyarakat Tamil zaman *cangam* memberikan tumpuan khas kepada perlakuan perhiasan diri. Mereka meluangkan masa dan tenaga yang banyak untuk menghiaskan diri. Golongan perempuan dan lelaki turut terlibat dalam aktiviti perhiasan diri dan pemakaian.

#### 5.2 Amalan Perhiasan Diri

Pujangga *Oonpoti Pasungkudaiyaar* menyatakan Raja *Cholan Seruppoli Yerinta Ilanshed Senni* menghadihkan pelbagai barang perhiasan diri kepadanya :

மேம்படு சிறப்பின் அருங்கல வெறுக்கை  
தாங்காது பொழிதந் தோனே! அதுகண்டு  
இலம்பாடு உழந்தஎன் இரும்பேர் ஒக்கல்  
விரல்செறி மரபின செவித்தொடக் குநரும்  
செவித்தொடர் மரபின விரற்செறிக் குநரும்  
அரைக்கமை மரபின மிடற்றியாக் குநரும்  
மிடற்றமை மரபின அரையாக்குயாக் குநரும்

(*Purananuru*,378:11-17)

*mempadu sirappin arunggala verukkai  
taangatu politan tone! atukandu  
ilampaadu ulantayen irumber okkal  
viralseri marabina sevittoda kunarum  
sevittodar marabina virarseri kunarum*

*araikkamai marabina midarriyaak kunarum  
midarramai marabina araiyaa kunarum*

- *Raja Cholan Serupoli Yerinta Ilanshed Senni cincin, subang, rantai pinggang dan rantai leher kepada pujangga Oonpoti Pasungkudaiyaar*

Puisi ini menyatakan beberapa jenis barang perhiasan diri yang diberikan oleh Raja *Cholan Serupoli Yerinta Ilanshed Senni* kepada pujangga *Oonpoti Pasungkudaiyaar*. Antaranya ialah cincin (*viralseri marabina*), subang atau anting-anting (*sevi todar marabina*), rantai pinggang (*araikkamai marabina*) dan rantai leher (*midarramai marabina*). Kenyataan ini membuktikan barang-barang perhiasan diri yang wujud pada zaman *cangam*.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* menggunakan bahan-bahan seperti emas, gangsa, mutiara, manik dan siput untuk menghasilkan barang-barang perhiasan diri. Pada umumnya, manusia menghiaskan diri untuk beberapa tujuan.

### **Rajah 5.1: Tujuan Perhiasan Diri**



Perlakuan menghiaskan diri merupakan salah satu amalan harian bagi masyarakat Tamil zaman *cangam*. Perlakuan ini dibincangkan dalam teks tertua Tamil iaitu *Tholkaapiyam*.

Teks ini membentangkan beberapa maklumat tentang amalan perhiasan diri oleh golongan perempuan.

சுடழை விரித்தல் காதொன்று களைதல்  
ஊழணி தைவரல் உடையெய்த்து உடுத்தலொடு

(*Tholkaappiyam, Porulatigaaram, Meipaaddiyal:258*)

*koolai virittal kaatondru kalaital  
oolani taivaral udai peyartalodu*

- *gadis muda membuka sanggul, menanggalkan subang mengemaskan perhiasan dan menyalin baju*

அல்குல் தைவரல் அணிந்தவை திருத்தல்  
இல்வலி யறுத்தல் இருகையும் எடுத்தலொடு

(*Tholkaappiyam, Porulatigaaram, Meipaaddiyal:259*)

*alku taivaral anintavai tiruttal  
ivvali yuruttai, irukkaiyu yeduttalodu*

- *gadis muda sering membetulkan kedudukan barang-barang perhiasan dan pakaiannya*

*Noorpaa* yang ke-258, menyatakan perlakuan seorang perempuan iaitu *koolai virittal* (membuka sanggul), *kaatondru kalaital* (menanggalkan subang), *oolani taivaral* (mengemaskan barang perhiasan yang lain) dan *udai peyartalodu* (menukar baju).

*Noorpaa* yang ke-259 pula, menyatakan bahawa golongan perempuan sering membetulkan kedudukan barang-barang perhiasan diri dan pakaian mereka (*anintavai tiruttal*). Kedua-dua *noorpa* ini membuktikan kewujudan pelbagai barang perhiasan dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Secara umum, barang-barang perhiasan diri dinamakan sebagai *anikalan* oleh masyarakat Tamil. Sebuah puisi dari teks *Silappatikaaram* memaparkan pelbagai barang perhiasan yang digunakan oleh golongan perempuan.

நலத்தகு மெல்விரல் நல்லணி செறிஇப்  
 பரியகம் நூபுரம் பாடகம் சதங்கை  
 அரியகம் காலுக் கமைவுற அணிந்து  
 குறங்கு செறிதிரள் குரங்கினிற் செறித்துப்  
 பிறங்கிய முத்திரை முப்பத்து இருகாழ்  
 நிறங்கிளர் பூந்துகில் நீர்மையின் உட்கூக்  
 காமர் கண்டிகை தன்னொடு பின்னிய  
 தூமணித் தோள்வளை தோளுக் கணிந்து  
 மத்தக மணியொடு வயிரம் கட்டிய  
 சித்திரச் சூடகம் செம்பொற் கைவளை  
 அரிமயிர் முன்கைக் கமைவுற அணிந்து  
 வாளைப் பகவாய் வணக்குறு மோதிரம்  
 கேழ்கிளர் செங்கேழ் கிளர்மணி மோதிரம்  
 வாங்குவில் வயிரத்து மரகதத் தாள்செறி  
 காந்தள் மெல்விரல் கர்ப்ப அணிந்து  
 சங்கிலி நுண்தொடர் பூண்கூண் புனைவினை  
 அங்கமுத் தகவயின் ஆரமோ டணிந்து  
 கயிற்கடை ஒழுகிய காமர் தூமணி  
 செய்த்தகு கோவையிற் சிறுபுறம் மறைத்தாங்கு  
 இந்திர நீலத் திடையிடை திரண்ட  
 சந்திர பாணி தகைபெறு கடிப்பினை  
 அங்கா தகவயின் அழகுற அணிந்து  
 தெய்வ உத்தியொடு செழுநீர் வலம்புரி  
 தொய்யகம் பல்லகம் தொடர்ந்த தலைக்கணி  
 மையீர் ஓதிக்கு மாண்புற அணிந்து

(Silappatikaaram, Kadalaadu Kaatai:83-118)

*nalattagu melviral nallani sereep  
 pariyagam noopuram paadagam satangai  
 ariyagam kaalu kamaivura anintu  
 kurangu seritiral kurangkinir serittu  
 pirangiya mutthirai muppattu irukaal  
 niranggilar poontukil neermaiyyin udee  
 kaamar kandigai tannodu pinniya  
 toomani tholvalai tholu kanintu  
 mattaga maniyodu vayiram kaddiya  
 sittira soodagam semphor kaivalai  
 arimayir munkai kamaivura anintu  
 vaalai pagavaai vanakkuru mohtiram  
 khelkilar sengkhel kilarmani mohtiram  
 vaanguvil vayirattu maragata taalseri  
 kaantal melviral karappa anintu  
 sangili nuntodar poonghaan punaivinai  
 angalu tagavayin aaramoh danintu  
 kayirkadai olugiya kaamar toomani  
 seyattagu khovayir sirupuram maraittaangu  
 indera neela tidaiyidai tiranda  
 santira paani tagaipuru kadippinai  
 angaa tagavayin alugura anintu  
 theiva uttiyodu seluneer valampuri  
 toiyagam pallagam todarnta talaikkani  
 maiyeer ohtikku maanpura anintu*

Puisi ini memaparkan barang-barang perhiasan diri yang dipakai oleh wirawati (*Kannagi*).

- *melviral nallani* - cincin
- *pariyagam* - barang perhiasan bahu
- *satangai* - gelang kaki
- *ariyagam* - gelang pinggang
- *kurangu* - barang perhiasan rambut
- *seritiral* - barang perhiasan telinga

Senarai barang ini membuktikan kewujudan barang-barang perhiasan diri yang dipakai oleh golongan perempuan Tamil zaman *cangam*. Ini membuktikan hasil kekayaan yang dimiliki oleh masyarakat Tamil klasik.

**Rajah 5.2: Anggota Badan dan Barang Perhiasan Diri**

Bil.	Anggota Badan	Perhiasan Diri	Istilah Bahasa Melayu
1	Muka ( <i>mugam</i> )	<i>mugappoochu</i>	serbuk bedak muka
2	Rambut ( <i>koontal</i> )	<i>pinnal, kondai, malar idutal</i>	pintalan rambut
3	Dahi ( <i>nedri</i> )	<i>poddu, nedripoddu</i>	
4	Mata ( <i>kann</i> )	<i>kanmai, ancanam</i>	celak mata
5	Telinga ( <i>khatu</i> )	<i>thodu, kaatani</i>	anting-anting
6	Leher ( <i>kaluttu</i> )	<i>sanggili, malar valayam</i>	rantai leher, kalung bunga
7	Bahu ( <i>thol paddai</i> )	<i>ontodi</i>	rantai bahu
8	Tangan ( <i>kai</i> )	<i>valaiyal</i>	gelang tangan
9	Jari ( <i>viral</i> )	<i>Mohtiram, naga poochu</i>	cincin, perhiasan kuku
10	Kaki ( <i>kaal</i> )	<i>silambu, kalal</i>	gelang kaki

Sumber: *Tholkaappiyam, Porulatigaaram, Meipaaddiyal*

Penggunaan barang-barang perhiasan diri menjadi sebati dalam kehidupan masyarakat Tamil. Golongan perempuan masyarakat Tamil amat cenderung terhadap perhiasan diri. Mereka sudi meluangkan masa, tenaga dan wang untuk menghiaskan diri. Para pujangga sering memaparkan perhiasan golongan perempuan dalam puisinya.

Beberapa karya sastera Tamil klasik dinamakan berdasarkan barang-barang perhiasan diri.

**Rajah 5.3: Nama Buku dan Barang Perhiasan Diri**

Bil.	Nama Buku	Barang Perhiasan Diri
1	<i>Silapatikaaram</i>	Gelang kaki
2	<i>Manimekalai</i>	Rantai pinggang
3	<i>Sheevaga Sinthamani</i>	Barang perhiasan berbunyi
4	<i>Valaiyaapathy</i>	Gelang tangan
5	<i>Kundalakeshi</i>	Anting-anting, subang

Kebanyakan barang perhiasan diri dibuat daripada barang-barang alam semulajadi seperti emas, gangsa, perak, mutiara, berlian, siput laut, manik, bunga dan akar pokok. Walau bagaimanapun, barang-barang perhiasan yang dibuat daripada emas merupakan barang yang paling disukai oleh golongan perempuan masyarakat Tamil. Emas dikenali sebagai *pon* ataupun *tanggam*. Teks *Silapatikaaram* membentangkan kedai-kedai yang menjual pelbagai jenis emas.

சாத ரூபம் கிளிச்சறை ஆடகம்  
சாம்பூ நதம்என ஒங்கிய கொள்கையில்  
பொலந்தேரி மாக்கள் கலங்களுர் ஒழித்தாங்கு

(*Silapatikaaram, Maduraikaandam: 201-203*)

*saatha roobam kilicirai aadagam  
saambooo natamyena ohngiya kaolkaiyil  
polamtheri maakkal kalangkaghar olittaanggu*

- *beberapa kedai emas menjual barang-barang perhiasan diri*

Para peniaga menjual empat jenis emas secara berasingan. *Saatharoobam*, *kilicirai*, *aadagam* dan *sambunatam* merupakan jenis-jenis emas yang dijual pada zaman *cangam*. Golongan perempuan memberikan perhatian utama kepada perhiasan diri. Malahan, mereka memiliki bilangan barang perhiasan yang banyak dibanding dengan golongan lelaki. Antologi *Akananuru* membentangkan beberapa maklumat tentang barang-barang perhiasan diri yang digunakan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Di samping itu, ia juga menyorankan ciri-ciri perwatakan seorang gadis yang cantik dan menawan.

மனைஇள நொச்சி மெளவல் வால்முகைத்  
துணை நிரைத்தன்ன; மாவீழ், வெண்பல்  
அவ்வயிற்று, அகன்ற அல்குல், தைஇத்  
தாழ்மென் கூந்தல், தடமென் பணைத்தோள்  
மடந்தை மாண்நலம் புலம்பச், சேய்நாட்டு

(*Akananuru*,21:1-5)

*manaiyila nocci mauval vaalmugai  
tunai niraittanna; maaveel, venpal  
avvayidru, agandra algul, tae  
taalmen koontal, tadamen panaitthol  
madantai maannalam pulamba, seinaaddu*


- *barisan gigi yang kemas dan teratur serta berwarna putih perut kempis, belikat yang lebar, rambut panjang, dan bahu yang lebar merupakan anggota badan yang mencirikan perwatakan golongan perempuan*

Puisi ini menyorankan ciri-ciri anggota badan yang mencantikkan serta mempesonakan perwatakan golongan gadis.

- *barisan gigi yang kemas dan berwarna putih (nocci mauval vaalmugai tunai niraittanna maaveel venpal)*
- *perut kempis (avvayidru)*
- *belikat yang lebar (agandra alkul)*
- *rambut yang panjang, lembut dan bersinar (tae taalmen koontal)*
- *bahu yang lebar (tadamen panaitthol)*

Seseorang gadis yang memiliki ciri-ciri ini akan mempunyai perwatakan yang cantik dan menawan. Bagi menceriakan lagi perwatakannya golongan perempuan menggunakan barang-barang perhiasan diri yang sesuai. Pemakaian barang-barang perhiasan diri menjadi sehati dalam diri kaum perempuan.

**Rajah 5.2: Barang-barang Perhiasan Diri Masyarakat Tamil Zaman Cangam**



(Sumber: *Viyakka Vaikkum Tamilar Ariviyal*,2005)

Pengkaji kesusasteraan klasik Tamil *Ilakkuvan.C* memberikan pandangan tentang perhiasan diri oleh golongan wanita:

*Para pujangga pada zaman klasik menerapkan kecantikan golongan wanita melalui beberapa teknik. Antaranya adalah membandingkan perwatakan wanita dengan bandar-bandar yang cantik. Ini merupakan suatu teknik yang janggal. Para pujangga mengharapkan bandar berkenaan dapat dicantikkan sepertimana kecantikan wanita. Hakikat ini membawa suatu pengertian iaitu, kecantikan wanita adalah milik pasangan (wira) dan kecantikan serta kemudahan bandar pula milik masyarakat tempatan. Tidak ada pihak luar yang boleh merampas kedua-dua unsur ini.*



Teknik perbandingan ini terdapat dalam antologi *Agananuru*. Pujangga *Alloor Nanmullaiyaar* membandingkan kecantikan wirawati dengan sebuah bandar yang terkenal pada zaman klasik.

.....செறுநர்  
களிறுடை அருஞ்சமம் ததைய நூறும்  
ஒளிறுவாள் தானைக் கொற்றச் செழியன்  
பிண்ட நெல்லின் அள்ளுநர் அன்னஎன்  
ஒண்தொடி நெகிழினும் நெகிழ்க

(*Akananuru*,46:12-15)

..... *serunar*  
*kalirudai arunjamam tataiya noorum*  
*oliruvaal taanai kodra seliyan*  
*pinda nellin alloor annayen*  
*ontodi nekilinum negilga*

- *tentera Raja Seliyan menewaskan angkatan musuh bagaikan gajah besar manakala, gelang tangan yang dipakai oleh wirawati cantik bagaikan bandar Alloor yang kaya dengan tanaman padi*

Raja *Seliyan* memiliki angkatan tentera yang gagah dan berwibawa. Raja *Seliyan* menewaskan tentera musuh yang kuat bagaikan gajah besar (*kalirudai arunjamam*). Gelang tangan wirawati bagaikan bandar *Alloor* (*Alliyoor*) yang kaya dengan tanaman padi. Pujangga membandingkan kecantikan bandar *Alloor* (*Alliyoor*) dengan kecantikan wirawati. Tanaman padi bandar *Alloor* dan gelang tangan dijadikan sebagai bahan simbolik bagi menggambarkan kecantikan wirawati (*pinda nellin alloor annayen*).

Masyarakat Tamil zaman *cangam* bukan sahaja suka memakai barang perhiasan diri malah, mereka juga mahir dalam pembuatan barang-barang perhiasan diri. Antologi *Akananuru* memberikan pelbagai maklumat tentang pemakaian dan pembuatan barang-barang perhiasan diri masyarakat Tamil zaman *cangam*.

### 5.2.1 *Mudi Alangaaram* (Mendadan Rambut dan Perhiasan Rambut)

Rambut mencorakkan perwatakan seseorang dan perhiasan rambut menjamin perwatakan dan keceriaan manusia. Perhiasan rambut merangkumi menggunting, mencelup, mengeset rambut dan mengikat bunga. Perhiasan rambut merupakan amalan penting dalam kalangan wanita sejagat. Ikatan dan susunan rambut yang kemas mencerminkan disiplin diri seseorang. Mereka mempunyai cara tersendiri untuk menjaga kekemasan dan kesegaran rambut.

- mengikat bunga pada rambut (*poocoodutal*)
- mengepang rambut (*pinnal*)
- membuat sanggul (*kondai kaddutal*)

Pelbagai barang perhiasan dan bunga digunakan bagi tujuan perhiasan rambut. Bunga digelar sebagai *poo* atau *malar* dalam bahasa Tamil. Para pujangga sering menyatakan bahawa, golongan wanita adalah lembut dan cantik bagaikan bunga. Oleh yang demikian mereka digelar sebagai *poovaiyar*. Terdapat beberapa nama orang yang berdasarkan kepada nama bunga di antaranya ialah *Alli*, *Senthamarai* dan *Thamarai*. Amalan menghiaskan rambut diberikan keutamaan dalam kehidupan masyarakat Tamil.

Bunga pada sanggul menceriakan perwatakan golongan perempuan. Masyarakat Tamil sering mengkaitkan keadaan sanggul dengan suasana kehidupannya. Amalan menceriakan sanggul melambangkan kebahagiaan dan keceriaan hidup seseorang. Perempuan yang pergi ke kuil dan menghadiri majlis kebudayaan diwajibkan memakai bunga pada sanggul. Bunga segar pada sanggul menggambarkan suasana gembira yang wujud dalam majlis berkenaan. Pada masa kini, golongan perempuan balu tidak mengamalkan pemakaian bunga pada sanggul. Perempuan yang menghadapi masalah dalam kehidupan juga tidak berkehendakkan pemakaian bunga. Kesemua hal ini membuktikan perhubungan di antara bunga dan perasaan manusia.

Antologi *Akananuru* membentangkan beberapa maklumat berkenaan amalan memakai bunga pada sanggul. Pujangga *Kaavan Mullai Pootanaar* memaklumkan kedudukan bunga dalam kehidupan masyarakat Tamil klasik.


பார்வல் வெருகின் கூர்எயிற்று அன்ன  
வரிமென் முகைய நுண்கொடி அதிரல்  
மல்ககல் வட்டியர் கொள்விடம் பெறாஅர்  
விலைஞர் ஒழித்த தலைவேய் காண்மலர்  
தேம்பாய் முல்லையொடு ஞாங்கர்ப் போக்கி  
*paarval verukin kooryeyidru anna  
varimen mugaiya nunkodi atiral  
malkakal vaddiyar kolvidam peraar  
vilaigar olitta talaivei kaanmalar  
tempaai mullaiyodu yaangkar pokki*

(*Akananuru*,391:1-5)

- *wirawati tinggal keseorangan, kerana wira merantau ke luar negeri untuk mencari kekayaan wirawati mengenangkan detik-detik semasa berada di samping kekasihnya memakai kalung bunga yang cantik pada leher dan sanggul bunga melur pula menghiasi bahagian leher*

Wira pergi ke luar negeri mencari kekayaan dan wirawati ditinggalkan seorang diri. Wirawati mengenangkan peristiwa yang berlaku semasa berada bersama dengan pasangannya. Wirawati memakai kalung bunga pada leher dan sanggul. Bunga melur dan bunga *mullai* (*varimen mugaiya*) menghiasi bahagian leher wirawati. Wira pula menanggalkan kalung bunga itu lalu bermesra dengan wirawati.

**Rajah: 5.3: Perhiasan Rambut Gadis Masyarakat Tamil Zaman Cangam**



(Sumber: *Viyakka Vaikkum Tamilar Ariviyal*,2005)

Pujangga *Nakkeeranaar* pula menggambarkan perlakuan memakai bunga pada sanggul oleh golongan perempuan.

சாந்தார் கூந்தல் உளரிப் போதணிந்து  
தேங்கமழ் திருநுதல் திலகம் தைஇயும்

(*Akananuru*,389:2-3)

*saantaar koontal ulari potanintu  
tenggamal tirunutal thilagam taiiyum*

- *wira memakaikan bunga pada sanggul pasangan  
sanggulnya cantik dan harum disebabkan tepung wangi*

Wira memakaikan bunga pada sanggul kekasih dan sanggulnya harum disebabkan oleh tepung wangi (*saantaar koontal*). Dengan ini diketahui, golongan perempuan memakai tepung wangi untuk mengharumkan rambut.

Di samping itu, pelbagai peristiwa tentang amalan memakai bunga oleh golongan perempuan masyarakat Tamil dipaparkan dalam antologi *Akananuru*.

வண்டுபடத் ததைந்த கண்ணி.....

(*Akananuru*,1:1)

*vandupada tatainta kanni .....*

- *kumbang mengkerumuni sanggul gadis*

Menurut baris ini, bunga segar yang diletak pada sanggul wirawati dikerumuni oleh kumbang- kumbang yang mencari madu. Kumbang-kumbang ini terbang di sekitar bunga yang ada pada sanggul gadis.

Pujangga *Paranar* memaparkan perlakuan seorang wirawati yang memakai bunga teratai pada sanggulnya. Perlakuan ini dapat dilihat dalam puisi yang ke-6.

அரிபெய் சிலம்பின் ஆம்பலந் தொடலை

(*Akananuru*,6:1)

*aripei silambin aambalan todalai*

- *bunga teratai menghiasi sanggul wirawati*

Golongan perempuan menceriaikan sanggulnya dengan bunga *aambal*. Bunga *aambal* sesuai untuk digunakan sebagai perhiasan sanggul kerana ia cantik dan bersaiz kecil.

Pujangga *Okkoor Maasaattanaar* menyatakan bahawa golongan perempuan kawasan *Mullai* memakai bunga-bunga harum dan cantik pada sanggul. Perwatakan mereka diceriakan lagi dengan perhiasan bunga-bunga pada rambut.

குறும்பொறை மருங்கின் நறுமீட, அயர

(*Akananuru*,14:8)

*kurumporai marungkin narumpoo ayara*

- *para gadis tanah Mullai memakai bunga harum pada sanggul*

Perkataan *narumpoo* dalam baris ini merujuk kepada bunga yang harum. Gadis-gadis tanah *Mullai* memakai pelbagai bunga yang cantik dan harum.

Di samping itu, golongan perempuan juga mencantikkan sanggul dengan beberapa cara yang lain. Perlakuan yang kreatif dalam mengemaskan dan mencantikkan sanggul menjadi lambang permodenan sesuatu kaum. Bidang mendandan rambut terkenal dalam kalangan manusia sejagat.

Gadis masyarakat Tamil zaman *cangam* mahir dalam bidang fesyen rambut. Sanggul (*kondai*), dan kepang rambut (*pinnal*) merupakan beberapa fesyen rambut yang terkenal dalam kalangan perempuan masyarakat Tamil. Amalan ini masih lagi berleluasa sehingga zaman kini. Pujangga *Kalladanaar* menyatakan bahawa kepang rambut (*pinnagan* atau *pinnal*) seorang gadis berbentuk seperti gading gajah.

பிடிக்கை அன்ன பின்னகம் தீண்டி

தொடக்கை தைவரத் தோய்ந்தன்று கொல்லோ

(*Akananuru*,9:22-23)

*pidikkai anna pinnagam teendi*  
*todikkai taivara tointandru kollo*

- *kepang rambut bagaikan gading gajah sanggul diikat kemas dan teratur*

Pujangga melambangkan kekemasan kepang rambut wirawati bagaikan gading gajah (*pidikkai anna pinnagam teendi*). Kepang rambut diikat kemas serta dihias dengan cantik.

Pujangga *Taayangkannanaar* menyatakan bahawa wira mengkalungkan *maalai* yang dibuat daripada bunga dan daun *vhengai*.

அகல்அறை மலர்ந்த அரும்புமுதிர் வேங்கை  
ஒளிஇலைத் தொடலை தைஇ.....

(*Akananuru, 105:1-2*)

*agalarai malarnta arumbumutir vhengai  
olilai todalai taie.....*

- *kalung bunga vhengai yang segar menghiasi wira*

Menurut sajak ini, wira memakai *maalai* bunga *vhengai* yang baru berkembang (*agalarai malarnta arumbumutir vengai*).

Pujangga *Pontai Pasalaiyaar* melambangkan perhubungan antara wirawati dan kawan-kawannya dari sudut yang berlainan. Beliau melambangkan persahabatan mereka amat rapat bagaikan kalung bunga dan pemakainya.

தொடலை ஆயமொடு.....

(*Akananuru, 110:6*)

*thodalai aayamodu.....*

- *kalung bunga menceritakan perwatakan pemakai*

Puisi ini menonjolkan suatu kenyataan yang menarik, iaitu kalung bunga menceritakan perwatakan pemakai sepertimana kehidupan seseorang diceritakan oleh kawan-kawannya. Pujangga melambangkan keperluan kawan sebagai keceriaan bunga. Puisi ini menyatakan penggunaan bunga merupakan salah satu amalan yang amat penting dalam kalangan perempuan masyarakat Tamil. Golongan perempuan sentiasa memakai pelbagai jenis bunga

pada sanggul. Dalam puisi ini, wirawati memakai bunga *vhengai* pada sanggul dan *malai* yang dibuat daripada daun *vhengai* pada leher.

Berlaku pertemuan pasangan kekasih dan mereka membincangkan masa depannya. Sambil itu wira pula memintal rambut kekasih dan mengikat bunga-bunga yang cantik pada keping rambut. Peristiwa ini dipaparkan dalam puisi yang ke-117.

தன்ஓ ரன்ன தகைவொங் காதலன்  
வெறிகமழ் பன்மலர் புனையப் பின்னுவிடச்  
சிறுபுறம் புதைய நெறிபுதாழ்ந் தனகொல்

(*Akananuru, 117:12-14*)

*tanho ranna tagaiveng kaatalan  
verikamal panmalar punaiya pinnuvida  
sirupuram putaiya neriputaaln tanakol*

- *wira memintal rambut kekasih serta mengikat bunga cantik pada keping rambut*

Peristiwa ini membuktikan perlakuan golongan perempuan yang suka menghiaskan rambut. Amalan ini masih lagi wujud dalam kalangan masyarakat Tamil. Pada hari biasa mereka memintal rambut dan mengikat sedikit bunga pada keping rambut. Tetapi semasa menghadiri sesuatu upacara kebudayaan mereka memintal rambut dengan corak yang menarik dan mengikat banyak bunga pada keping rambut. Pujangga *Uraiyoor Maruthuvan Taamotharanaanar* menggambarkan perwatakan seorang wirawati yang memakai bunga pada sanggul.

தேம்பாய் கூந்தல் குறும்பல மொசிக்கும்  
வண்டுக்கடிந்து ஒம்பல் தேற்றாய்

(*Akananuru, 257:8-9*)

*tempai koontal kurumpala mosikkum  
vandukadintu ohmpal tedraai*

- *gadis memakai bunga pada sanggul yang segar dan harum kumbang mengerumuni sanggul gadis*

Wirawati memakai bunga segar pada sanggul. Bunga ini bukan sahaja menarik perhatian para pemerhati malahan kumbang-kumbang (*tempai koontal kurumpala mosikkum*) turut tertarik kepada bunga di sanggul wirawati. Ini adalah kerana bunga-bunga itu penuh dengan madu dan harum.

Golongan perempuan Tamil suka menghiaskan rambutnya dengan ikatan kepang rambut (*pinnal*). Kepang rambut yang kemas, diikat dengan bunga menambah keceriaan perwatakan. Pujangga menyatakan bahawa, wirawati kawasan *Paalai* membuat kepang rambut lima iras. Kenyataan ini dapat diketahui dalam puisi yang ke-123.

சில்லைங் கூந்தல் நல்லகம் பொருந்தி

(*Akananuru, 123:6*)

*sillaing koontal nallagam porunti*

- *gadis yang menawan ini memakai kepang rambut lima iras*

Kepang rambut lima iras ini diikat dengan kemas dan menarik (*aing koontal nallagam*).

Ikatan ini mencerikan lagi perwatakan wirawati. Pujangga *Nakkeerar* turut menggambarkan perlakuan memintal rambut oleh golongan perempuan.

.....புயலெனப்  
புறந்தாழ்பு இருளிய பிறங்குகுரல் ஐம்பால்  
மின்னேர் மருங்குல், குறுமகள்  
பின்னிலை விடாஅ மடங்கெழு நெஞ்சே!

(*Akananuru, 126:19-23*)

.....*puyalena*  
*purantaalpu iruliya pirangkukural aimpaal*  
*minner marungul, kurumagal*  
*pinnilai vidaa madanggelu nenje!*

- *kepang rambut lima iras diikat dengan kemas dan cantik ia mencerikan perwatakan wirawati*

Puisi ini menyatakan bahawa, rambut wirawati yang dipintal lima iras (*aimpaal*) kelihatan seperti awan hitam (*puyal*).



Rambut merupakan salah satu elemen perhiasan yang amat penting bagi masyarakat manusia. Golongan perempuan memberikan penekanan dan perhatian khas bagi perlakuan menghias rambut. Rambut mereka dihias dengan pelbagai bahan dan corak. Walau bagaimanapun, rambut yang cantik dan segar perlu dipadankan dengan wangian. Pujangga *Nakkeerar* menggambarkan peristiwa yang berkaitan dengan amalan pewangian rambut oleh golongan perempuan.

துவரப் புலர்ந்து தூமலர் களுலித்  
தகரம் நாறுந் தண்ணறுங் கதுப்பின்  
புதுமண மகடு அயினிய கடநகர்

(*Akananuru, 141:12-14*)

*tuvara pularnta toomalar kagyali  
tagaram naarun tannarung katuppin  
putumana magadoo ayiniya kadinagar*

- *rambut kering disapu dengan minyak wangi  
serta diikat dengan bunga harum  
perhiasan ini mencerikan lagi pengantin perempuan*

Puisi ini menggambarkan perwatakan seorang pengantin perempuan yang dipadankan dengan perhiasan rambut. Rambut kering (*tuvara pularnta*) disapu dengan minyak wangian (*tagaram naarung katuppin*) dan dipadankan dengan pelbagai bunga harum (*toomalar kagyali*). Perhiasan ini mencantikkan lagi perwatakan pengantin perempuan.

Perhiasan rambut merupakan salah satu amalan terpenting bagi golongan perempuan. Masyarakat Tamil zaman *cangam* menghias rambut mengikut konsep kebudayaan mereka.

### 5.2.2 *Aaram* (Rantai Leher)

Rantai leher ialah sejenis barang perhiasan yang digantungkan pada leher. Barang perhiasan ini dikenali sebagai *aaram* dalam bahasa Tamil. Rantai leher dipakai oleh golongan perempuan dan juga lelaki serta merupakan salah satu barang perhiasan yang penting. Rantai leher dibuat dengan menggunakan pelbagai bahan seperti mutiara, emas, gangsa,

manik, siput dan bunga. *Aaram* merupakan barang perhiasan yang amat terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil. Antologi *Akananuru* memaparkan beberapa peristiwa yang berkaitan dengan barang perhiasan ini.

Pujangga *Peruntalai Saattanaar* menyatakan bahawa seorang raja yang bernama *Tennavan Maravanana Kodai Porunan Panni* memakai rantai leher yang dibuat daripada mutiara. Kenyataan ini dimaklumkan dalam puisi yang ke-13.

தன்கடற் பிறந்த முத்தின் ஆரமும்  
முனைதிரை கொடுக்கும் துப்பின் தன்மலைத்  
தெறல்அரும் மரபின் கடவுட் பேணி

(*Akananuru*,13:1-3)

*tankadar piranta muttin aaramum  
munairai kodukkum tuppim tanmalai  
teralarum marabin kadavud peni*

- *rantai leher yang dibuat daripada mutiara siput laut*

Rangkaian kata *tankadar piranta muttin aaramum* merujuk kepada rantai leher yang dibuat daripada mutiara siput laut.

Kenyataan tentang seorang wirawati yang memakai rantai leher digambarkan dalam puisi yang ke-73.

வெருகுஇருள் நோக்கி யன்ன கதிர்விடுபு  
ஒருகாழ் முத்தம் இடைமுலை விளங்க  
அணங்குறு கற்பொடு மடம்கொளச் சாஅய்


(*Akananuru*,73:3-5)

*veruguirul nokki yanna katirvidubu  
orukaal muttam idaimulai vilanga  
anankuru karpodu madamkola saai*

- *rantai leher yang dibuat daripada mutiara*

Puisi ini juga menyatakan bahawa wirawati memakai rantai leher yang dibuat daripada mutiara (*orukaal muttam*).

#### Rajah 5.4 : Rantai Leher Masyarakat Tamil Zaman Cangam



(Sumber: *Viyakka Vaikkum Tamilar Ariviyal*,2005)

Pada lazimnya, golongan perempuan suka menghiaskan bahagian leher dengan rantai yang pelbagai corak. Jenis rantai leher yang dipakainya adalah berdasarkan kepada status seseorang. Masyarakat biasa memakai rantai yang dibuat daripada gangsa, manik dan bunga. Tetapi, golongan atasan memakai rantai emas, mutiara dan berlian. Antologi *Akananuru* memaparkan penggunaan rantai leher yang dibuat daripada manik dalam puisi yang ke-75.

ஆரம் தாங்கிய அலர்முலை ஆகத்து

(*Akananuru*,75:12)

*aaram taanggiya alarmulai aagattu*

- *rantai leher yang dibuat daripada mutiara*

பல்காசு நிரைத்த

(*Akananuru*,75:19)

*palkaasu niraitta*

- *rantai leher yang dibuat daripada manik*


Kedua-dua baris ini memaklumkan penggunaan rantai leher oleh golongan perempuan kawasan *Paalai*. Mereka menggunakan rantai leher yang dibuat daripada manik (*palkaasu niraitta*).

Pemakaian rantai leher merupakan salah satu amalan kebudayaan yang penting. Leher tanpa rantai dianggap sebagai suatu perlakuan yang negatif dan melambangkan kekosongan. Oleh yang demikian, masyarakat Tamil memberikan penekanan kepada amalan memakai rantai leher. Pada lazimnya, masyarakat golongan atasan memakai rantai leher yang dibuat daripada bahan-bahan berkualiti tinggi seperti emas, mutiara, berlian dan manik. Masyarakat biasa pula memakai rantai leher yang dibuat daripada manik, siput laut dan bunga.

### 5.2.3 *Thodu* (Anting-anting dan Subang)

*Thodu* merupakan barang perhiasan yang dipakai pada bahagian telinga. Barang perhiasan ini juga dikenali sebagai *kaatani*. *Thodu* dikenali sebagai anting-anting atau subang dalam bahasa Melayu. Amalan pemakaian *thodu* masih berleluasa dalam kalangan masyarakat Tamil. Malahan, perniagaan *thodu* merupakan salah satu perniagaan yang laris pada zaman kini.

**Rajah 5.5: Anting-anting dan Subang Masyarakat Tamil Zaman Cangam**



(Sumber: *Viyakka Vaikkum Tamilar Ariviyal*,2005)

Antologi *Akananuru* memaparkan beberapa peristiwa yang berkaitan dengan amalan pemakaian *thodu* oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Seorang wira mengenangkan kekasihnya yang memakai subang berbentuk bulat. Pujangga *Yeyinantai Maganaar Ilankeeranaar* menggambarkan peristiwa ini seperti berikut:

கொடுங் குழைக்கு அமர்த்த நோக்கம்

(*Akananuru*,3:17)

*kodung kulaikku amartta nokkam*

- *kekasih yang memakai subang berbentuk bulat*

Kekasihnya memakai subang cantik dan perkataan *kodung kulai* merujuk kepada subang berbentuk bulat. Ini bermakna, mereka memiliki subang yang dibuat dalam pelbagai bentuk.

Pemakaian subang turut dibincangkan oleh pujangga *Nallaavoor Kilaar* dalam puisi yang ke-86.

செஞ்சூட்டு ஓணுகுழை வண்காது துயல்வர

(*Akananuru*,86:27)

*sensooddu onakulai vankaatu tuyalvara*

- *gadis yang memakai subang batu manik berwarna merah*

Semasa majlis perkahwinan, wirawati dihiaskan dengan pelbagai barang perhiasan diri. Barang-barang perhiasan ini bertujuan untuk mencantikkan perwatakan heroin. Antaranya ialah sepasang subang batu manik yang berwarna merah (*sensooddu*). Amalan pemakaian *thodu* merupakan salah satu amalan kebudayaan yang penting bagi masyarakat Tamil. Amalan ini telah sehati dengan jiwa mereka.

#### 5.2.4 *Kanmai* (Celak Mata)

Celak mata merupakan salah satu perhiasan pada bahagian mata. Pada lazimnya, golongan perempuan menghiaskan sekeliling mata dengan lakaran garisan. Celak mata dikenali sebagai *kanmai* atau *ancanam* dalam kalangan masyarakat Tamil. Perhiasan celak mata

amat diminati oleh golongan perempuan. Masyarakat zaman kini menggunakan pelbagai bahan untuk mencantikkan bahagian sekitar mata.

Antologi *Akananuru* membuktikan amalan pemakaian celak mata oleh golongan perempuan Tamil zaman *cangam*. Maklumat tentang penggunaan celak mata dipaparkan oleh Pujangga *Ollaiyoor Tanta Poota Pandiyan* dalam puisi yang ke-25.

பைதல் உண்கண் பனிவார்பு உறைப்பு  
*paital unkan panivaarpu uraiippa* (Akananuru,25:14)

- *celak mata yang menarik itu menceriakan muka gadis*

Mata wirawati kelihatan amat cantik disebabkan oleh pemakaian *paital unkan* (celak mata).

Perhiasan celak mata ini menarik perhatian orang lain.

Amalan pemakaian celak mata turut dipaparkan oleh pujangga *Vellaadiyanaar* (*Akananuru*:29) dan *Madurai Alakkar Yhaalar Maganaar Mallanaar* (*Akananuru*:33).

மாவின் நறுவடி போலக், காண்தொறும்  
மேவல் தண்டா மகிழ்நோக்கு உண்கண்  
*maavin naruvadi phola, kaantorum  
mehval tandaa magilnohkku unkan* (Akananuru,29:7-8)

- *terpegun dengan kecantikan mata yang memakai celak mata*

மலர்பாடு ஆன்ற, மைஎழில், மழைக்கண்  
*malarpaadu aandra, maiyelil, malaikkan* (Akananuru,33:9)

- *celak mata yang menceriakan rupa gadis*

Seorang wira amat terpegun dengan kecantikan mata kekasih yang beralaskan celak mata.

Lalu beliau tidak dapat menghayati kecantikan tubuh badan kekasih dengan sepenuhnya.

Peristiwa yang menarik ini dibentangkan oleh pujangga *Tanggaal Mudakoddranaar* seperti berikut:

நின்மகள் உண்கண் பன்மாண் நோக்கிச்  
சென்றோன் மன்றக் குன்றுகிழ வோனே!

(Akananuru,48:21-22)

*ninmagal unkan panmaan nokki  
sendron mandra kundrukila vone!*

- *amat terpegun dengan kecantikan mata kekasih, lalu tidak terdaya menghayati kecantikan tubuh badannya*

Penggunaan celak mata oleh seorang wirawati kawasan *Paalai* digambarkan oleh pujangga *Maamoolanaar*. Pasangan kekasih dilamun cinta, hal ini diketahui oleh ahli keluarga dan masyarakat setempat. Mereka tidak merestui perhubungan pasangan kekasih ini. Oleh yang demikian, mereka mengambil keputusan untuk pergi ke tempat lain dan mendirikan rumah tangganya.

நிரைஇதழ் உண்கண், மகளிர்க்கு  
அரியவல் என அழுங்கிய செலவே!

(Akananuru,65:19-20)

*niraiital unkan, magalirkku  
ariyavaal yena alungkiya selave!*

- *kekasihnya merasa amat gembira mukanya bertambah ceria dengan celak mata*

Wirawati merasa amat gembira dengan keputusan ini dan mukanya bertambah ceria disebabkan oleh celak mata yang cantik (*niraiital unkan*). Melalui kenyataan ini dapat dirumuskan bahawa pemakaian celak mata adalah bertujuan mencantikkan perwatakan seseorang.

Pujangga *Madurai Tamil Koottanaar Kaduvan Mallanaar* menyatakan perwatakan seorang gundik yang memakai celak mata.

மைஎழி உண்கண் மடந்தையொடு வையை  
*maiyeeli unkan madantaiyodu vaiyai*

(Akananuru,256:10)

- *gundik yang memakai celak mata*

Pasangan kekasih berpisah disebabkan oleh perbuatan wira yang mendampingi gundik. Ini adalah kerana, wira tertarik hati dengan perwatakan gundik yang memakai celak mata. Pujangga menyatakan bahawa, kecantikan gundik berkenaan diceriakan lagi oleh celak mata yang menarik (*maiyei unkan*).

Pada hakikatnya, celak mata bukan sahaja mencantikkan perwatakan seseorang. Malahan, celak mata juga menukar perwatakan seseorang.

.....பெரிய  
கயலென அமர்த்த உண்கண்.....

(*Akananuru, 126:18-19*)

.....periya  
*kayalena amartta unkan.....*

- *celak mata menukarkan wajah gadis bagaikan muka bermata ikan*

Pujangga *Nakkeerar* menyatakan bahawa celak mata yang dipakai oleh wirawati menukar bentuk matanya. Mata wirawati kelihatan seperti mata ikan (*periya kayalena amartta unkan*). Bentuk ini menceriakan lagi muka wirawati.

Amalan pemakaian celak mata dalam kalangan masyarakat Tamil klasik adalah berleluasa. Para pujangga terpegun dengan kecantikan golongan gadis yang memakai celak mata. Salah satu unsur yang mencantikkan dan menceriakan perwatakan mereka ialah celak mata. Amalan ini sering kali digambarkan dalam karya-karya kesusasteraan Tamil.

Pujangga *Kudavaayil Keerattanaar* (*Akananuru, 129*), *Ven Kannanaar* (*Akananuru, 130*) dan *Yeloo Uppandri Naagan Kumaranaar* (*Akananuru, 138*) saling menyatakan amalan memakai celak mata oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

குவளை உண்கண்  
*kuvalai unkan*

(*Akananuru, 129:16*)

- *mata bercelak mata bagaikan bunga 'Kuvilai'*



போதுபுறங் கொடுத்த உண்கண்

(*Akananuru,130:13*)

*potupurang kodutta unkan*

- *gadis yang menawan bercelak mata*

குவளை உண்கண்

(*Akananuru,138:2*)

*kuvalai unkan.....*

- *mata bercelak mata bagaikan bunga 'Kovalai'*

Menurut puisi yang ke-129 dan 138, wirawati yang memakai celak mata kelihatan amat cantik dan menawan seperti bunga '*Kuvalai*' (*kuvalai unkan*). Manakala, puisi yang ke-130 pula menyatakan mata wirawati kelihatan menawan dan ceria disebabkan oleh celak mata yang dipakainya (*potupurang kodutta unkan*).

### 5.2.5 *Valaiyal* (Gelang Tangan)


*Valaiyal* merupakan sejenis barang perhiasan diri yang dipakai pada pergelangan tangan. *Valaiyal* juga dikenali sebagai *tohdi* manakala, dalam bahasa Melayu ia dikenali sebagai gelang tangan. Kaum perempuan memakai gelang tangan bagi tujuan mencantikkan bahagian tangan di samping menghasilkan bunyi yang merdu. Gelang tangan yang menarik dan berseni akan menyerikan tangan pemakai.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* membuat gelang tangan dengan menggunakan pelbagai bahan seperti emas, gangsa, besi, siput laut, kulit kelapa dan akar pokok. Gelang tangan yang dibuat daripada emas dan siput laut mempunyai nilai estetika yang tinggi. Pembuatan gelang tangan dilakukan secara cermat dan teliti. Pada lazimnya, gelang tangan dihiasi dengan ukiran tangan yang menarik. Pelbagai corak yang menarik diukir pada gelang tangan.

*Valaiyal* merupakan unsur simbolik yang mencerminkan suasana hidup pasangan kekasih. Kegembiraan yang dinikmati oleh pasangan kekasih adalah tidak terjamin. Kerap kali berlaku perpisahan yang disebabkan oleh urusan perang atau perniagaan. Semasa pemergian kekasih wirawati mengalami tekanan emosi dan kesihatan dirinya tidak terjamin serta tidak selera makan dan minum.

Dalam suasana begini, berat badan wirawati susut dan beliau menjadi kurus. Mukanya menjadi pucat dan hilang keceriaan. Keadaan ini dikenali sebagai *pasalai nhoi*. Pergelangan tangan menjadi kurus dan gelangya sering kali tertanggal. Perkara yang bertentangan berlaku semasa kekasihnya berada bersama dengan wirawati. *Valaiyal* pada tangan wirawati mencantikkan perwatakan dan menghasilkan bunyi merdu. Kegembiraan dan kesedihan wirawati dapat diketahui melalui keadaan gelang tangan. Secara keseluruhannya, gelang tangan melambangkan suasana hidup pasangan kekasih.

**Rajah 5.6: Gelang Tangan Masyarakat Tamil Zaman Cangam**



(Sumber: *Viyakka Vaikkum Tamilar Ariviyal*,2005)

Pujangga *Tangaal Porkollanaar* dalam puisinya menyatakan bahawa *valaiyal* yang dipakai oleh wirawati tertanggal dari pergelangan tangan.

தானே வந்தன்று ஆயின் ஆனாது  
இலங்குவளை நெகிழ்ந்த எவ்வம் காட்டி

(*Akananuru*,355:9–10)

*taane vantandru aayin aanaatu  
ilanguvalai negilntu yevvam kaaddi*

- *janji tidak ditepati  
berlaku perpisahan antara pasangan kekasih  
disebabkan berat badannya surut, maka  
gelang tanggal dari pergelangan tangannya*

Pada peringkat awal, wira berjanji bahawa dia tidak akan berpisah dari kekasih. Tetapi memandangkan keperluan perniagaan, wira pergi ke negeri lain untuk mencari kekayaan. Hal ini diketahui oleh wirawati melalui *tholi* (teman setia). Wirawati menghadapi kesedihan dan kesengsaraan yang tidak ternilai. Pergelangan tangan menjadi kurus dan gelang yang dipakainya tertanggal (*ilanguvalai negilntu*).

Pujangga *Paranar* membentangkan maklumat tentang penggunaan gelang tangan emas. Kekasihnya pergi jauh semata-mata mencari gundik. Selepas seketika wira pulang kepangkuan kekasih. Wirawati merajuk atas perbuatan yang tidak bermoral ini. Wira berusaha sedaya upaya untuk mententeramkan serta mengembirakan hati kekasih. Dalam suasana sebegini wira menarik tangan kekasih yang dihiasi dengan gelang emas. Puisi yang ke-356 menggambarkan peristiwa ini.

பொற்றொடி முன்கை பற்றின னாக  
அன்னாய்! என்றனென் அவன்கைவிட டனனே

(*Akananuru*,356:6-7)

*pordrodi munkai parrdrina naaga  
annai! yendrenan avankaivi danane*

- *tangan yang dihiasi gelang emas  
dipaut oleh kekasihnya*

Perkataan *pordrodi* dalam puisi ini merujuk kepada gelang tangan berukir cantik yang dibuat daripada emas.

Pujangga *Yeyinantai Maganaar Ilangkeeranar* membentangkan maklumat tentang pemakaian *valaiyal* dalam puisi yang ke-361.

திருமுகத்து அலமரும் பெருமதர் மழைக்கண்  
அணிவளை முன்கை ஆயிதழ் மடந்தை

(*Akananuru, 361:4-5*)

*tirumugattu alamarum perumatar malakkan  
anivalai munkai aayital madantai*

- *gadis impian yang memakai gelang tangan yang cantik  
mukanya bagaikan bunga teratai putih yang segar berkembang  
matanya bagaikan bunga 'Kovalai'*

Kekasihnya merantau ke luar negara untuk mencari kekayaan. Dia melalui kawasan hutan yang bahaya dan mempunyai pelbagai ancaman. Dalam perjalanannya wira mengenangkan perwatakan kekasih. Mukanya adalah bagaikan bunga teratai putih yang berkembang penuh dan mata pula bagaikan bunga *kuvalai*. Kekasihnya memakai gelang tangan yang mempunyai ukiran cantik. Maklumat ini dirujuk melalui baris *ani valai munkai aayital madantai*.

Pujangga *Nakkeerar* pula menyatakan bahawa golongan perempuan di kawasan *Paalai* memakai gelang tangan yang nipis dan menarik.

கண்டிசின் - மகளே! கெழீஇ இயைவெனை  
ஒண்டுதொட செறித்த முன்கை ஊழ்கொள்பு

(*Akananuru, 369:1-2*)

*kandisin - magale! kelee eyaivena  
ontodi seritta munkai oolkolpu*

- *wahai! gadis cantik dan molek  
memakai gelang tangan yang cantik*

Perkataan *ontodi* dalam puisi ini merujuk kepada sejenis gelang tangan yang nipis. Pergelangan tangan wirawati diserikan dengan gelang tangan yang menarik (*ontodi seritta munkai oolkolpu*).

Wirawati meninggalkan ibu dan ahli keluarga lalu pergi bersama dengan kekasihnya (*udanpokku*). Ibunya merasa amat sedih dengan perbuatan anak dan mengenangkan perwatakan anak yang memakai gelang tangan.

வளையுடை முன்கை அனைஇக் கிளைய  
*valaiyudai munkai alai kilaiya*

(*Akananuru,385:11*)

- *anak yang memakai gelang tangan cantik dan menarik*

Menurut baris ini, ibu mengenangkan tangan anak yang penuh dengan gelang. Gelangnya cantik dan menarik dengan pelbagai ukiran. Perkataan *valaiyudai munkai* memaklumkan pergelangan tangan yang dihiasi dengan gelang tangan.

Masyarakat Tamil memiliki kemahiran khas dalam pembuatan gelang tangan. Pujangga *Paranar* menyatakan bahawa gelang tangan dihasilkan dengan proses pengeseran (*arattaal polntu*).

அரம்போழ் அவ்வளைப் பொலிந்த முன்கை  
*arampol avvalai polinta munkai*

(*Akananuru,6:2*)

- *gelang yang dibuat secara pengeseran*

Siput laut bermutu tinggi digunakan untuk membuat gelang tangan. Siput ini dibersihkan dan dipotong nipis dengan menggunakan sejenis alat yang dikenali sebagai *aram*. Perlakuan ini memerlukan kemahiran khas yang perlu ada pada pengukir gelang tangan. Proses pembuatan ini memerlukan kemahiran dan penelitian yang tinggi.

Pujangga *Kalladanaar* menggambarkan gadis-gadis kawasan *Paalai* memintal rambut secara bertentangan (*pinnal*) serta memakai gelang tangan yang menarik. Maklumat ini dipaparkan dalam puisi yang ke-9.

பிடிக்கை அன்ன பின்னகம் தீண்டி  
தொடக்கை தைவரத் தோய்ந்தன்று கொல்லோ

(*Akananuru*,9:22-23)

*pidikkai anna pinnagam teendi*  
*todikkai taivara tointandru kollo*

- *gadis-gadis memintal rambut*  
*memakai gelang yang cantik pada tangannya*

*Pidikkai anna pinnagam teendi* bermaksud pintalan rambut secara bertentangan. Serta *todikkai taivara* pula bermaksud gadis yang memakai gelang tangan.

Wira kawasan *Paalai* ingin mencari kekayaan di luar negara. Dia meninggalkan kekasihnya seorang diri. Kesedihan yang ketertaluan menyebabkan wirawati menjadi kurus dan hilang keceriaan. Pergelangan tangan menjadi kurus dan gelangnya tertanggal dari tangan. Beberapa gelang tangan sahaja yang tinggal pada tangan wirawati. Peristiwa sedih ini dipaparkan oleh pujangga *Poruntil Ilangkeeranaar*.

வெய்ய உகுதர, வெரீஇப், பையென  
சில்வளை சொரிந்த மெல்இறை முன்கை

(*Akananuru*,19:14-15)

*veyya ugutara, verree, paiyena*  
*silvalai sorinta mellirai munkai*

- *kesedihan menyelubungi hati wirawati*  
*gelangnya tertanggal dari tangan*

Rangkaian kata *silvalai sorinta mellirai munkai* merujuk kepada pergelangan tangan wirawati yang hilang keceriaan. Gelangnya tertanggal dari pergelangan yang makin kurus.

Di samping itu terdapat juga beberapa maklumat yang berkaitan dengan amalan pemakaian gelang tangan oleh golongan perempuan.

வளைகளைந்து ஒழிந்த கொழுந்தின் அன்ன

(Akananuru,24:2)

*valaigalaintu olinta koluntin anna*

- *gelang yang dibuat daripada bahan khas*

.....குறுந்தொடி மடந்தையொடு

(Akananuru,36:11)

..... *kuruntodi madantaiyodu*

- *gelang tangan bersaiz kecil*

*Valaigalaintu olinta koluntin anna* (Akananuru:24) menyatakan bahawa wirawati memakai gelang tangan yang dibuat dengan bahan khas manakala *kuruntodi madantaiyodu* (Akananuru:36) menggambarkan pemakaian gelang tangan yang bersaiz kecil.

Pemakaian *valaiyal* turut memaparkan tekanan emosi yang dialami oleh pasangan kekasih.

Hakikat ini dibuktikan oleh pujangga *Alloor Nanmullaiyaar* dalam puisi yang ke-46.

ஒண்தொடி நெகிழினும் நெகிழ்க

(Akananuru,46:15)

*ontodi negilinum negilga*

- *tertanggalnya gelang tangan*

Wira meninggalkan kekasih dan pergi ke pangkuan gundik (*parattai*). Selepas beberapa lama wira balik ke pangkuan kekasihnya. Wirawati merasa amat sedih dengan perbuatan kekasih lalu berat badannya susut sehingga tertanggal gelang tangan (*ontodi negilinum negilga*). Pertemuan dan perpisahan memainkan peranan terhadap keceriaan dan kesegaran pasangan kekasih. Keadaan gelang tangan melambangkan keseluruhan situasi mereka.

Pemakaian gelang tangan sering kali dikaitkan dengan perasaan golongan perempuan.

Bunyi merdu daripada gelang tangan menggambarkan suasana kegembiraan manakala bunyi yang tidak menentu menandakan kejadian buruk seperti perpisahan, kesedihan dan penderitaan. Gelang yang terkeluar dari pergelangan tangan pula menandakan perasaan

sedih. Perpisahan antara pasangan kekasih sentiasa dikaitkan dengan penanggalan gelang tangan wirawati. Puisi-puisi yang berikut membuktikan kenyataan ini.

இலங்குவளை நெகிழ்ச் சாஅய்

(*Akananuru,127:1*)

*ilanguvalai negila saai*

- *bunyi gelang tangan yang tidak menentu disebabkan oleh kesedihan*

செவ்வாய்ப் பெண்டிர் கவ்வையின் கலங்கி

(*Akananuru,250:12*)

*sevvaai pendir kavvayyin kalangi*


- *hati gadis diselubungi perasaan sedih*

Puisi yang ke-127 menggambarkan kesedihan wirawati yang disebabkan oleh perpisahan kekasih. Wira merantau ke negeri lain untuk mencari kekayaan. Perpisahan jangka masa panjang menjadikan wirawati tidak tenteram dan terasa gelisah. Berat badannya susut sehingga gelangnya tertanggal dari pergelangan tangan.

Puisi yang ke-250 pula menyatakan bahawa, berlaku pertemuan pertama antara wira dan wirawati di kawasan *Neytal*. Wirawati tertarik hati dengan perwatakan wira. Selepas pertemuan pertama ini, mereka tidak berpeluang untuk bertemu semula. Wirawati merasa amat sedih sehingga berat badannya susut. Keadaan ini menjadikan gelang wirawati tertanggal dari pergelangan tangan. Kedua-dua situasi ini digambarkan oleh pujangga *Selloor Keelaar Maganaar Perumpootang Kodranaar*.



### Rajah 5.7 : Gelang Tangan Pelbagai Corak



(Sumber : *Viyakka Vaikkum Tamilar Ariviyal*,2005)

Pemakaian gelang tangan oleh golongan perempuan turut dibentangkan dalam puisi-puisi yang berikut:

ஒண்தொடி மகளிர்.....

(*Akananuru*,47:10)

*ontodi magalir.....*

- *gadis yang memakai gelang tangan*

விளங்குதொடி முன்கை வளைந்துடறும் சுற்ற

(*Akananuru*,58:8)

*vilangu todi munkai valaintupuram sudra*

- *tangan yang dihiasi dengan gelang tangan*

ஒண்தொடி நெழுக்கா தீமோ தெய்ய

(*Akananuru*,60:8)

*ontodi yemukka teemo teyya*

- *gelang tangan yang nipis dan bersaiz kecil*

அவிந்தொடி முன்கை

(Akananuru,75:11)

*avir tadi munkai*

- *tangan yang mengalaskan gelang*

செறிந்துஇலங்கு எல்வளை

(Akananuru,98:7)

*serintu ilanggu yelvalai*

- *gelang tangan yang dibuat secara teliti*

ஆய்தொடி அரிவை கூந்தற்

(Akananuru,104:16)

*aaitodi arivai koontar*

- *gelang tangan yang bermutu tinggi*

பொலந்தொடி தெளிர்ப்ப வீசி

(Akananuru,117:8)

*polanthodi telirppa veesi .....*

- *gelang tangan yang menghasilkan bunyi merdu*

அரம்போழ் அவ்வளை தோள்நிலை நெகிழ

(Akananuru,125:1)

*arampol avvalai tholnilai negila*

- *gelang tangan yang dibuat dengan sejenis alatan khas (aram)*

சில்கோல் எல்வளை தெளிர்ப்ப வீசி

(Akananuru,140:6)

*sil kol yelvalai telirppa veesi*

- *gelang tangan yang menghasilkan bunyi merdu*

சூர்ப்புறு கோல்வளை செறித்த முன்கை

(Akananuru,142:17)

*soorppuru kholvalai seritta munkai*

- *gelang tangan yang amat cantik*

நுண்கோல் எல்வளை தெளிர்க்கும் முன்கை

(Akananuru,257:10)

*nunkhol yelvalai telirrkum munkai*


- *gelang tangan yang berkilat*

Pada hakikatnya, pemakaian gelang tangan oleh golongan perempuan masyarakat Tamil merupakan salah satu amalan kebudayaan. Gelang tangan membawa banyak pengertian dari segi emosi pemakai. Ia melambangkan kegembiraan, kesedihan dan keceriaan pemakai. Amalan ini masih lagi wujud dalam kalangan masyarakat Tamil.

### 5.2.6 *Ontodi* (Kalung Pinggang)

Perhiasan diri masyarakat Tamil melibatkan pelbagai jenis barangan, di antaranya ialah sejenis barang perhiasan berbentuk lebar yang dibuat daripada manik. Barang perhiasan ini digantungkan pada bahagian pinggang golongan perempuan dan lelaki. Manik-manik yang kecil dijalinan dengan menggunakan sejenis tali. Hasilan ini kelihatan seperti sejenis kalung yang digantung pada bahagian pinggang. Kalung pinggan ini dikenali sebagai *ontodi* atau *pordrodi*.

**Rajah 5.8: Kalung Pinggang (*Ontodi*)**



(Sumber: *Viyakka Vaikkum Tamilar Ariviyal*,2005)

Kaum lelaki turut memakai kalung pinggang yang dibuat daripada emas. Kalung ini dikenali sebagai *pordrodi*. Pujangga *Saagalaasanaar* menyatakan bahawa seorang wira dari kawasan *Marutham* memakai *pordrodi* yang menarik.

யாவரும் விழையும் பொலந்தொடும் புதல்வனை

(Akananuru,16:5)

*yaavarum vilaiyum polantodi putalvanai*

- *kalung pinggang yang dipakai oleh wira menarik perhatian orang ramai*

*Pordrodi yang dipakai oleh wira menarik perhatian orang ramai (yaavarum vilaiyum).*

Pujangga *Marutai Marutanilakanaar* pula menggambarkan kalung pinggang yang dipakai oleh golongan perempuan.

ஒண்தொடி மகளிர்க்கு ஊசல் ஆக

ஆடுசினை ஒழித்த கோடுஇணர் கடுவிய

(Akananuru,368:4-5)

*ontodi magalirkku oosal aaga*

*aadusinai olitta koduinar kagyaliya*

- *gadis memakai kalung pinggang yang dibuat daripada manik yang cantik*

Rangkaian kata *ontodi magalir* dalam baris ini merujuk kepada gadis yang memakai gelang pinggang. Menurut pujangga, gelang ini dibuat daripada manik-manik yang cantik.

Antologi *Akananuru* mengutarakan pelbagai kenyataan tentang amalan pemakaian gelang pinggang (*ontodi*). Perinciannya adalah seperti berikut:

ஆய்தொடி அரிவை.....

(Akananuru,4:17)

*aaitodi arivai.....*

- *gadis yang memakai gelang pinggang*

.....ஒண்டொடி

(Akananuru,5:26)

..... *ontodi*

- *gelang pinggang*

தொடிமாண் சுற்றமும் எம்மும் உள்ளாள்

(Akananuru,17:6)

*todimaan suddramum yemmum ullaal*

- *gadis yang memakai kalung pinggang*

ஒண்தொடி ஆயத் துள்ளும்நீ நயந்து

(Akananuru,96:9)

*ontodi aaya tullumnee nayantu*

- *gadis yang memakai gelang pinggang yang cantik dan menarik*

அன்பின் கழல்தொடி

(Akananuru,97:11)

*anbin kalaltodi*

- *gelang pinggang yang ceria*

செறிதொடி உற்ற செல்லும் பிறிது

(Akananuru,98:28)

*seritodi udra sellalum piritu*

- *memakai gelang pinggang*

கூழைக் கூந்தற் குறுந்தொடி மகளிர்

(Akananuru,141:16)

*koolai koontar kuruntodi magalir*

- *gadis berambut menawan memakai gelang pinggang kecil*

Kesemua rangkai kata ini merujuk kepada amalan pemakaian gelang pinggang yang dianuti oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Pada hakikatnya, amalan pemakaian *ontodi* melambangkan kekayaan kebudayaan masyarakat Tamil. Barang-barang perhiasan diri ini melibatkan daya kreativiti masyarakat Tamil zaman *cangam*.


### 5.2.7 *Silambu* (Gelang Kaki)

Gelang kaki merupakan sejenis barang perhiasan yang digunakan pada pergelangan kaki. Gelang kaki dikenali sebagai *silambu*, *khar silambu*, *kaal valaiyal* dan *kalal*. *Silambu* dan *salangai* merupakan salah satu barang perhiasan yang asas bagi penari tarian klasik Tamil (*barata naaddiyam*).

Karya klasik Tamil *Silappatikaaram* merupakan sebuah karya kesusasteraan yang berpusatkan kepada gelang kaki. Karya ini menceritakan peristiwa sedih yang berlaku

kepada pasangan hidup, *Kovalan* dan *Kannagi*. Tema cerita ini berpusatkan kepada gelang kaki yang dipakai oleh wirawati iaitu *Kannagi*.

**Rajah 5.9: Gelang Kaki (Khar Silambu)**



(Sumber : *Viyakka Vaikkum Tamilar Ariviya*,2005)

Pujangga *Kudavaayir Keerattanaar* memaparkan amalan pemakaian gelang kaki oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Puisi yang ke-385 memaklumkan kenyataan ini.

உள்ளாது கழிந்த முள்ளெயிற்றுத் துவர்வாய்ச்  
சிறுவன் கண்ணி சிலம்பு கழிஇ  
அறியாத் தேஎத்தள் ஆகுதல் கொடிதே!

(*Akananuru*,385:16-18)

*ullaatu kalinta mulleyidru tuvarvaai  
siruvan kanni silambu kalee  
ariyaa teyettal aagutal kodithe!*

- *gelang dipakai pada kaki anak kecil  
upacara menganggalkan gelang kaki diadakan*

Memakai gelang kaki pada anak perempuan merupakan amalan penting bagi masyarakat Tamil zaman *cangam*. Gelang yang dipakaikan oleh ibu berkekalan pada pergelangan kaki anak sehingga dia mencapai usia perkahwinan. Selepas mencapai usia perkahwinan upacara membuka gelang kaki diadakan. Upacara ini dikenali sebagai *silambu kali nonbu*. Majlis upacara *silambu kali nonbu* diadakan secara besar-besaran di rumah perempuan. Upacara

ini adalah untuk menandakan persediaan anak perempuan untuk menghadapi alam rumah tangga.

Puisi yang ke-385 ini membicarakan kepentingan upacara *silambu kali nonbu* kepada masyarakat Tamil zaman *cangam*. Seorang ibu merasa amat sedih terhadap perbuatan anak yang telah meninggalkan rumah (*udanpokku*). Wirawati ini meninggalkan rumahnya sebelum mengadakan upacara *silambu kali nonbu*. Oleh yang demikian, ibu merasa amat sedih dan malu kerana tidak dapat mengadakan upacara ini.

Di samping itu, kepentingan membuka gelang kaki turut dibincangkan dalam puisi yang ke-369:4 (*yetil varumanai silambu udan kale*).

Antologi *Akananuru* memaparkan banyak peristiwa yang berkaitan dengan amalan pemakaian gelang kaki. Antaranya ialah:

வண்டுபுடத் ததைந்த கண்ணி, ஒண்கழல்

(*Akananuru, 1:1*)

*vandupada tatainta kanni, onkalal*

- *gadis yang memakai bunga segar pada rambut serta gelang di kaki*

Wirawati memakai bunga segar yang pada rambutnya. Bunga yang segar dan bunyi merdu daripada gelang kaki (*onkalal*) menarik perhatian kumbang. Maka, rambutnya dikerumuni oleh kumbang-kumbang. Puisi ini membuktikan amalan pemakaian gelang kaki oleh golongan perempuan masyarakat Tamil.

Pujangga *Paranar* memaparkan amalan pemakaian gelang kaki oleh golongan perempuan kawasan *Marutham*.

அரிபெய் சிலம்பின் ஆம்பலந் தொடலை

(*Akananuru, 6:1*)

*aripei silambin aampalan todalai*

- *gadis yang memakai gelang kaki berukir cantik*

Perkataan *aripei silambin* merujuk kepada gelang kaki yang diukir dengan corak menarik. Amalan pemakaian gelang kaki dalam kalangan perempuan masyarakat Tamil amat terkenal. Pujangga *Marutham Paadiya Ilangkadungo* menggambarkan seorang wirawati kawasan *Marutham* memakai gelang kaki.

செம்பொற் சிலம்பின்.....

(*Akananuru,96:11*)

*sempor silambin*.....

- *gelang kaki yang dibuat daripada emas*

Pada lazimnya, masyarakat umum biasa memakai gelang kaki dibuat daripada gangsa dan perak. Manakala golongan atasan pula, memakai gelang kaki yang dibuat daripada emas dan mutiara. Wirawati yang merupakan golongan atasan dari kawasan *Marutham* memakai gelang kaki yang dibuat daripada emas (*sempor silambin*). Ini melambangkan status dan kewibawaan keluarga wirawati.

Wirawati dari kawasan *Paalai* mengikuti kekasih pergi ke tempat lain untuk membina kehidupan baru. Ibunya merasa amat sedih dengan perbuatan anak. Wirawati ini mengharungi perjalanan jauh dengan memakai gelang kaki yang menghasilkan bunyi merdu. Kenyataan ini dipaparkan dalam puisi yang ke-117.

.....சேவடிச்  
சிலம்புநக இயலிச் சென்றென் மகட்கே

(*Akananuru,117:8-9*)

.....*sevadi*  
*silambunaga iyali sendrayen magadkhe*

- *gadis yang bertapak kaki lembut, dan memakai gelang kaki berbunyi merdu*

Wirawati memiliki tapak kaki lembut (*sevadi*) memakai gelang kaki yang menghasilkan bunyi merdu (*silambunaga iyali*).



Perhubungan pasangan kekasih tidak direstui oleh ibu-bapa dan masyarakat tempatan. Pasangan ini bercadang untuk pergi ke tempat lain dan membina kehidupan baru.

வேளிற் பாதிரிக் கூனி மாமலர்  
நறைவாய் வாடல் நாறும் நாள், சுரம்,  
அரிஆர் சிலம்பின் சீறடி விசப்ப  
எம்மொடு ஓர்ஆறு படிஇயர், யாழநின்  
பொம்மல் ஓதி பொதுள் வாரி

(Akananuru,257:1-5)

*venir paatiri kooni maamalar  
naraivaai vaadal naarum naal, suram,  
ariaar silambin seeradi visappa  
yemmodu oraaru padeeyar, yaalanin  
pommal oti potula vaari*

- *mengharungi hutan tebal, yang  
bahaya dan mempunyai pelbagai halangan  
kaki yang comel dihiasi gelang  
luka menjadikan kakinya berwarna merah*

Mereka mengharungi hutan tebal dan menghadapi pelbagai cabaran. Wira merasa sedih mengenangkan situasi yang dihadapi oleh kekasih. Pergelangan kaki kekasih yang dihiasi dengan gelang (*silambu*) menjadi merah (*seeradi visappa*) disebabkan oleh perjalanan di atas batu.

Antologi *Akananuru* memaklumkan kenyataan tentang golongan lelaki yang memakai gelang kaki. Gelang kaki yang dipakai oleh golongan lelaki dikenali sebagai *kalal*. Pemakaian *kalal* dicatatkan oleh pujangga *Maamoolanaar* (*Akananuru:61*) dan *Aalampheri Saattanaar* (*Akananuru:143*).

கழல்புனை திருந்தஅடிக் கள்வர் கோமான்  
மழபுலம் வணக்கிய மாவண் புல்லி

(Akananuru,61:11-12)

*kalalpunai tiruntadi kalvar komaan  
malapulam vanakkiya maavan pulli*

- *Raja Pulli yang gagah dan berwibawa  
memakai gelang kaki*

*Pulli* ialah seorang raja yang gagah dan berwibawa dari *Malavar Nadu*. Raja *Pulli* mempunyai angkatan tentera yang kuat dan telah menewaskan banyak musuh. Raja *Pulli* memakai gelang kaki (*kalal*).

Pujangga *Aalampheri Saattanaar*, memuji kewibawaan *Piddan* dengan menyatakan gelang kakinya sebagai *punaikalal*. *Punaikalal* bermaksud gelang kaki yang gagah. Pujangga menggunakan perkataan *punaikalal* untuk melambangkan kegagahan *Piddan*.

.....புனைகழல் பிட்டன்

(*Akananuru*,143:12)

..... *punaikalal piddan*

- *Piddan* memakai gelang kaki yang utuh

Menurut puisi ini, *Vanavan Cheran* ialah raja negeri *Cheran*. Angkatan tenteranya mempunyai seorang ketua kontinjen yang berwibawa. Beliau ialah *Piddan* yang telah menewaskan banyak musuh. Ketua kontinjen ini memakai *punaikalal* yang utuh.

Puisi yang ke-76 menyatakan perwatakan seorang wira yang memakai gelang kaki. Wira ini merupakan seorang jejaka yang kacak dan bergaya. Perwatakannya bertambah kacak dengan pemakaian barang-barang perhiasan diri, di antaranya ialah sejenis gelang kaki yang dikenali sebagai *kalal*. Amalan pemakaian *kalal* oleh golongan lelaki turut dipaparkan dalam puisi yang ke-76.

கச்சினன், கழலினன், தேம்தார் மார்பினன்

(*Akananuru*,76:7)

*kaccinan, kalalanan, temtaar maarpinan*

- *wira* yang memakai alas pinggang, gelang kaki dan kalung bunga di leher

Menurut puisi ini, wira memakai pelbagai barang perhiasan diri seperti alas pinggang (*kaccinan*), gelang kaki (*kalalanan*) dan kalung bunga pada leher. (*temtaar maarpinan*). Gelang tangan memainkan peranan sebagai salah satu barang penyeri.

Kaum perempuan memakai sejenis gelang kaki yang dikenali sebagai *satangai*. *Satangai* ialah sejenis barang perhiasan kaki yang dipakai oleh golongan penari. Pujangga *Madurai Aruvai Vhanigan Ilavheddanaar* mencatatkan amalan pemakaian *satangai*.

பொலன்செய் கிண்கிணி நலம்பெற சேவடி

(*Akananuru*,254:3)

*polansei kinkini nalamperu sevadi*

- *kaki yang berseri dihiasi, dengan satangai bermutu tinggi*

Pasangan kekasih berpisah kerana wira pergi ke medan perang untuk menunaikan tanggungjawabnya terhadap ibu pertiwi. Pada suatu hari wira mengenangkan kekasih yang memakai *satangai*. Tapak kaki yang cantik dipadankan dengan *satangai* emas yang bermutu tinggi (*polansei*). Menurut pujangga, *satangai* ini menghasilkan bunyi merdu (*kinkini*).

Pujangga *Paranar* menyatakan maklumat tentang pembuatan *satangai*.

அரிபெய் புட்டில் ஆர்ப்புப் பரிசிறந்து

(*Akananuru*,122:19)

*aripey puddil aarppa parisirantu*

- *satangai yang dibuat daripada manik bermutu tinggi*

*Satangai* yang menghiasi kaki wirawati dibuat daripada manik yang bermutu tinggi (*aripey puddil*).

Pemakaian *satangai* dan *silambu* merupakan salah satu unsur kebudayaan masyarakat Tamil. Pada zaman kini, *satangai* dipakai oleh golongan penari tarian klasik iaitu *baratha naadiyam*. Golongan perempuan biasa, memakai sejenis barang perhiasan kaki yang dikenali sebagai *kolusu*. *Kolusu* ialah sejenis rantai kecil yang digantungkan pada pergelangan kaki.

### 5.2.8 *Maalai* (Kalung Bunga)

Setiap masyarakat di dunia ini mempunyai persepsi yang tersendiri dalam kehidupan. Persepsi ini dibentuk oleh latar budaya mereka yang berkurun-kurun lamanya. Pada hakikatnya, bunga-bunga adalah indah tetapi persepsi dan penggunaannya adalah berbeza mengikut tradisi dan kepercayaan masyarakat. Secara umum, bunga mempunyai sifat cantik, harum dan segar. Tetapi tata cara penggunaan bunga dalam kehidupan harian adalah berbeza. Masyarakat Tamil menggunakan bunga sebagai lambang kesegaran dan kegembiraan. Di samping itu, bunga menjadi bahan utama dalam majlis keagamaan dan keraian.

Kalung bunga merupakan sejenis barang perhiasan yang dihasilkan daripada pelbagai jenis bunga. Kalung bunga dikenali sebagai *poo maalai* ataupun *taar* dalam bahasa Tamil. *Poo maalai* ialah jalinan bunga-bunga wangi yang membentuk kalung atau rantai besar. Kalung bunga dipakai untuk beberapa tujuan:

**Rajah 5.10: Tujuan Pemakaian Kalung Bunga**

Bil.	Tujuan	Perlakuan
1	Penyembahan Tuhan	Dikalungkan pada patung Dewa sebagai tanda penghormatan. Kalung bunga wajib dipakai pada Dewa sebelum mengadakan penyembahan.
2	Majlis perkahwinan	Dikalungkan pada leher pasangan pengantin sebagai tanda suasana meriah dan juga sebagai perhiasan. Kalung bunga yang cantik melambangkan suasana kegembiraan majlis berkenaan.
3	Majlis orang ramai	Dikalungkan pada jemputan khas sebagai tanda penghormatan. Mengalungkan kalung bunga adalah pernyataan perasaan mereka mengalu-alukan kedatangan dan kepulangan seseorang individu.
4	Upacara pengembumian	Dikalungkan pada mayat sebagai tanda penghormatan terakhir. dan perpisahan.

Himpunan bunga dijalin dengan menggunakan seutas tali. Kerja menjalin bunga agak rumit dan memerlukan ketelitian serta kemahiran khas. Kalung bunga digantung pada leher seseorang sebagai tanda penghormatan atau perhiasan diri. Pada zaman *cangam* kalung bunga dipakai oleh golongan lelaki dan perempuan.

Kalung bunga juga melambangkan kekayaan dan kewibawaan sesuatu kawasan. Pada lazimnya, kawasan yang subur seperti *Kurinchi*, *Mullai* dan *Marutham* mempunyai pelbagai jenis bunga yang cantik, segar dan harum. Masyarakat kawasan berkenaan memakai kalung-kalung yang dihasilkan daripada pelbagai jenis bunga yang cantik.

Memakai kalung bunga juga merupakan salah satu adat keagamaan yang penting bagi masyarakat Tamil. Amalan pemakaian kalung bunga menandakan sesuatu perlakuan yang penting seperti penyembahan, perayaan dan perkahwinan.

Seorang teruna dari kawasan *Kurinchi* memakai seutas kalung yang dibuat daripada bunga 'kuvalai' yang bermutu tinggi.

தேரிஇதழ்க் குவளைத் தேம்பாய் தாரன் (*Akananuru*,38:2)

*teriital kuvalai thempaai taaran*

- *jejaka yang memakai kalung bunga yang dibuat daripada bunga 'Kovalai'*

Melalui puisi ini dapat diketahui bahawa pemakaian kalung bunga merupakan salah satu aktiviti harian bagi masyarakat Tamil zaman *cangam*. Tujuannya adalah untuk menceritakan serta menghiaskan diri. Amalan ini tidak lagi wujud pada masa kini. Pada zaman sekarang kalung bunga hanya dipakai untuk beberapa upacara kebudayaan seperti penyembahan Tuhan, perayaan dan upacara perkahwinan.

Seorang jejaka mendampingi gundik dengan menghiaskan diri serta memakai kalung bunga (*taar*) yang harum. Dalam perjalanan ke rumah gundik dia terserampak dengan anaknya. Jejaka ini terasa malu dan membawa balik anaknya ke rumah. Dalam suasana ini beliau bertekad supaya tidak lagi pergi ke rumah gundik. Pujangga menyampaikan tiga maklumat penting melalui puisi ini, iaitu perasaan kasih sayang seorang bapa, perlakuan golongan lelaki yang tidak bermoral dan kecenderungan kaum lelaki terhadap perhiasan diri.

வாயே ஆகுதல் வாய்த்தனம் – தோழி!  
நிரைதார் மார்பன் நெருநல் ஒருத்தியோடு

(*Akananuru, 66:6-7*)

*vaaye aagutal vaaittanam – toli!*  
*niraitaar maarban nerunal oruttiyodu*

- *jejaka mencari gundik, lalu menghiaskan dada dengan kalung bunga*

*Nirai taar maarban* dalam puisi ini merujuk kepada perhiasan kalung bunga pada bahagian dada.

Pujangga *Kaavan Mullai Pootanaar* memaklumkan kedudukan kalung bunga dalam kalangan masyarakat Tamil klasik.

பார்வல் வெருகின் கூர்எயிற்று அன்ன  
வரிமென் முகைய நுண்கொடி அதிரல்  
மல்ககல் வட்டியர் கொள்விடம் பெறாஅர்  
விலைஞர் ஒழித்த தலைவேய் கான்மலர்  
தேம்பாய் முல்லையோடு ஞாங்கர்ப் போக்கி

(*Akananuru, 391:1-5*)

*paarval verukin kooryeyidru anna*  
*varimen mugaiya nunkodi atiral*  
*malkakal vaddiyar kolvidam peraar*  
*vilaighar olitta talaivei kaanmalar*  
*tempaai mullaiyodu yaangkar pokki*

- *wira ke luar negeri meninggalkan kekasihnya wirawati seseorangan mengenang perbuatan wira pada suatu hari wirawati memakai kalung bunga di leher dan jalinan bunga 'mullai' pada sanggul*

Seorang jejaka pergi ke luar negeri meninggalkan kekasihnya. Pada masa ini kekasihnya mengenangkan peristiwa yang berlaku semasa wira berada bersamanya. Wirawati memakai kalung bunga melur pada leher dan jalinan bunga 'mullai' pada sanggul (*talaivei kaanmalar*). Wira menanggalkan kalung bunga yang dipakainya lalu merelakan wirawati tidur di atas dada.

Wira digambarkan sebagai seorang jejaka yang kacak dan menawan dengan memakai pelbagai barang perhiasan diri. Antaranya ialah, kalung bunga yang segar dan harum menjadi bahan utama. Pujangga *Marutanilanaaganaar* memaparkan gambaran ini seperti berikut:

கச்சினன், கழலினன், தேம்தார் மார்பினன் (Akananuru,76:7)

*kaccinan, kalalinan, temtaar maarpinan*

- *jejaka menawan yang memakai kalung bunga yang segar*

*Temtaar maarpinan* bermaksud jejaka yang memakai kalung bunga segar dan harum. Antologi *Akananuru* membentangkan beberapa situasi yang berkaitan dengan pemakaian kalung bunga. Berikut ini perincian tentang situasi berkenaan:

மலர்தார் மார்பன் (Akananuru,82:14)

*malartaar maarban*

- *dada yang dihiasi dengan kalung bunga*

ஆரங் கண்ணி அடுபோர்ச் சோழர் (Akananuru,93:4)

*aarang kanni adupor cholar*

- *kalung bunga 'aatti' dikalungkan oleh tentera Raja Chola*

.....ஆரம் நீவி (Akananuru,100:1)

..... *aaram neevi*

- *kalung bunga yang dihasilkan daripada bunga bermutu tinggi*

குறுஞ்சுனைக் குவளை வண்டுபடச் சூடி

(Akananuru, 128:9)

*kuruncunai kuvalai vandupada soodi*

- *memakai kalung bunga yang diikat dengan bunga 'kuvalai'*

Berlaku pertemuan pertama antara sepasang wira dan wirawati di kawasan *Neytal*. Pada masa ini, wira memakai kalung bunga (*taaran*) dan kalung bunga yang cantik ini menarik perhatian wirawati. Pujangga *Selloor Keelaar Maganaar Perumpootang Kodranaar* menggambarkan peristiwa ini seperti berikut:

தாரன், கண்ணியன், சேரவந்து, ஒருவன்,  
வரிமனை புகழ்ந்த கிளவியன் யாவதும்

(Akananuru, 250:7-8)

*taaran, kanniyan, seravantu, oruvan,  
varimanai pugalnta kilaviyan yaavatum*

- *kalung bunga dipakai demi memikat hari gadis  
kalungnya dihiasi bunga bermutu tinggi*

Pujangga menyatakan bahawa wira memakai kalung bunga untuk menarik perhatian wirawati. Kalung ini dihias secara kemas dengan menggunakan bunga yang bermutu tinggi. Kalung jenis ini menambah seri pada perwatakan wira.

Memakai kalung bunga merupakan amalan kebudayaan masyarakat Tamil. Ia melambangkan kepekaan dan kemahiran masyarakat Tamil terhadap penggunaan bunga dalam bentuk *maalai*. Amalan ini juga melambangkan kegembiraan dan keharmonian hidup yang dihayati oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

### 5.2.9 *Saantam* (Tepung Wangian)

Masyarakat Tamil zaman *cangam* menggunakan pelbagai barang untuk menghiaskan diri. Setiap barang perhiasan diri mempunyai kegunaan yang tersendiri. Mereka menggunakan sejenis tepung wangian untuk mengharumkan badan. Tepung wangian ini dibuat daripada



pelbagai bahan seperti bunga, buah, daun, kulit pokok dan akar pokok. Bahan-bahan wangian ini disediakan dalam bentuk pepejal dan juga cecair.

Pujangga *Madurai Tamil Koottan* dalam puisinya yang berjudul *Pasappu yengke tanggum?* membentangkan maklumat tentang pemakaian tepung wangian. Wira pergi ke negeri lain atas urusan perang. Pasukan tentera wira berjaya menewaskan musuh dan mereka amat gembira pulang ke tanah air. Semasa pulang ke rumah, wira memakai wangian pada badan. Dia memakai sejenis tepung wangian yang dikenali sebagai *saantu*. Maklumat ini dinyatakan dalam puisi yang berikut:

புகழ்குறி கொண்ட பொலந்தார் அகலத்துத்  
தண்கமழ் சாந்தம் நுண்துகள் அணிய

(*Akananuru*,354:9-10)

*pugalkuri konda polantaar agalattu  
tankamal saantam nuntugal aniya*

- *mengharapkan kemenangan  
harapan menjadi kenyataan, maka  
wira terasa amat gembira dan menyapukan  
tepung wangian pada badan*

Rangkai kata, *pugalkuri konda polantaar agalattu* menandakan harapan terhadap kemenangan pasukan tenteranya. Selepas menewaskan musuh, wira menyapu tepung wangian pada badan (*tankamal saantam nuntugal aniya*).

Mereka mengenal bahan yang sesuai untuk dijadikan wangian badan dan rambut. Kaum perempuan memakai sejenis minyak wangi pada rambut. Minyak wangian ini mengharumkan dan menyegarkan rambut. Pujangga *Kavaddanaar* menerapkan perbuatan kaum perempuan dalam usaha menjaga keharuman dan kesegaran rambut.

வதுவை மகளிர் கூந்தல் கமழ்கொள

(*Akananuru*,378:2)

*vatuvai magalir koontal kamalkola*

- *gadis memakai minyak wangi pada rambut*

Rangkai kata *vatuvai magalir koontal kamalkola* menggambarkan gadis-gadis yang memakai minyak wangi pada rambut. Menurut pujangga, para gadis mempunyai rambut panjang dan segar serta diharumkan dengan minyak wangian.

Maklumat tentang amalan pemakaian wangian oleh golongan perempuan turut dipaparkan oleh pujangga *Kudavaayir Keerattanaar*.

நன்மாண் விழவில் தகரம் மண்ணி  
யாம்பல புணர்ப்பச் செல்லாள் காம்பொடு

(*Akananuru*,385:6-7)

*nanmaan vilavil tagaram manni  
yaampala punarppa sellaal kaampodu*

- *wirawati memakai tepung wangian pada badan*

Puisi ini menggambarkan perbuatan seorang wirawati memakai tepung wangi pada badan. Perkataan *tagaram* merujuk kepada sejenis tepung wangi. Di samping itu, mereka juga menggunakan sejenis tepung wangi yang dikenali sebagai *santanam* atau *mayir saantam*. Lazimnya, *santanam* berwarna kuning ini digunakan oleh golongan perempuan dan lelaki. Pujangga *Veripaadiya Kaamakkanniyaar* menyatakan bahawa seorang jejaka memakai *santanam* yang harum pada badan.

ஆரம் நாற, அருவிடர்த் ததைந்த

(*Akananuru*,22:12)

*aaram naara, aruvidar tatainta*

- *tepung wangian mengharumkan tubuhnya*

Tepung *santanam* yang dipakai oleh jejaka mengharumkan badan beliau (*aaram naara, aruvidar tatainta*).

Amalan memakai *santanam* pada bahagian dada oleh kaum lelaki turut dipaparkan oleh pujangga *Pandiyān Kaanaphereyil Tanta Ukkira Peruvaluti*. Perlakuan seorang jejaka dari tanah *Marutham* memakai tepung *santanam* digambarkan dalam puisi ini,

நறுஞ்சாந்து அணிந்த கேழ்கிளர் அகலம்

(*Akananuru,26:14*)

*narunsaantu aninta kelkilar agalam*

- *jejaka yang memakai tepung wangian*

Perkataan *narunsaantu* dalam puisi ini merujuk pada tepung *santanam* yang wangi.

Golongan perempuan Tamil menggunakan sejenis minyak wangi yang dikenali sebagai *mayir saantu*. Pada lazimnya, minyak wangi ini disapu pada bahagian kepala bagi mengharumkan rambut. Pujangga *Yetinantai Maganaar Ilangkeeranaar* memaklumkan penggunaan *mayir saantu* seperti berikut:

சிமையக்குரல சாந்துஅருந்தி இருளி  
அமையக் கானம் நாறும் கூந்தல்

(*Akananuru,399:1-2*)

*simayakkurala saantuarunti iruli  
amaya kaanam naarum koontal*

- *rambutnya harum dan menawan disebabkan oleh, minyak wangi*

Rangkaian kata *naarum koontal* merujuk kepada rambut yang harum dan segar.

Pujangga *Ulochanaar* (*Agananuru,100*) dan *Madurai Ilampaalaasiriyān Shenkoottan* (*Agananuru,102*) pula memaparkan perlakuan seorang jejaka yang memakai tepung *santanam*.

அரையுற்று அமைந்த ஆரம் நீவி

(*Akananuru,100:1*)

*araiyudra amanita aaram neevi*

- *jejaka yang memakai wangian*

ஆர மாப்பின் வரிஞிறு ஆர்ப்பு

(*Akananuru, 102:10*)

*aara maarbin varinyimiru aarppa*

- *jejaka yang memakai wangian pada bahagian dada*

Kedua-dua baris ini menyatakan bahawa jejaka memakai tepung *santanam* yang halus. Tepung *santanam* ini yang disapu pada bahagian badan dan menghasilkan haruman segar.

Kesemua kenyataan ini membuktikan kegunaan bahan wangian dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Mereka peka terhadap bahan yang sesuai untuk digunakan sebagai bahan wangian. Amalan ini membuktikan penelitian dan penghayatan mereka dalam hal menjaga kesegaran tubuh badan.

#### **5.2.10 *Kannaadi* (Cermin Muka)**

Cermin ialah permukaan memantul yang licin untuk membentuk imej. Cermin dikenali sebagai sejenis benda yang boleh memantulkan cahaya atau bayang-bayang. Cermin awal terdiri daripada kepingan, helaian logam perak atau tembaga yang digilap. Biasanya kedua-dua logam ini memantul kembali imej apabila penumpuan cahaya terbias.

Cermin dikenali sebagai *kannaadi* dalam bahasa Tamil. Ia merupakan sejenis alat yang digunakan dalam perlakuan perhiasan diri untuk mencermine perwatakan seseorang. Ini memudahkan pemakaian barang-barang perhiasan diri. Pada lazimnya, masyarakat Tamil zaman *cangam* menggunakan air jernih bagi tujuan ini. Antologi *Akananuru* memaparkan perbuatan mencermine muka wirawati.

Pasangan kekasih berpisah kerana wira pergi ke negara lain untuk mencari kekayaan. Wirawati pula keseorangan di rumah mengenangkan kekasihnya. Penderitaan mereka bertambah ganda disebabkan oleh cemuhan masyarakat tempatan. Dalam suasana begini

kekuatan minda wirawati menurun bagaikan bayangan yang hilang pada cermin. Peristiwa ini dipaparkan oleh pujangga *Yerumai Veliyanaar Maganaar Kadalanaar*.

எள்அற இயற்றிய அழல்காண் மண்டலத்து  
உள்ளது ஆவியின் பைப்பய நுணகி  
மதுகை மாய்தல் வேண்டும்

(*Akananuru*,71:13-15)

*yelara iyaddriya alalkaan mandilattu  
ulootu aaviyin paiyappaya nunugi  
madugai maaital vhendum*

- *perpisahan berlaku kerana pencarian kekayaan masyarakat kampung lontar kata-kata cemuhan kekuatan mental gadis menurun bagaikan bayangan yang hilang pada cermin*

Puisi ini membuktikan kewujudan amalan penggunaan cermin muka pada zaman *cangam*.

Air jernih merupakan lambang bagi cermin (*aaviyin paiyappaya nunugi madugai maaital vhendum*).

### 5.2.11 Kesimpulan

Amalan perhiasan diri merupakan suatu keperluan yang penting dalam menonjolkan diri seseorang. Amalan ini menjamin kecantikan perwatakan dan keterampilan diri. Di samping itu, amalan ini juga memberikan keyakinan dan kecergasan kepada mereka menghiasi diri. Masyarakat Tamil zaman *cangam* mahir dalam bidang perhiasan diri seperti mendandan rambut (*mudi alangaaram*), memakai rantai leher serta anting-anting (*aaram* dan *todu*), menggunakan celak mata (*kanmai*), memakai gelang tangan dan juga gelang kaki (*valaiyal* dan *silambu*), memakai kalung pinggang (*ontodi*), memakai kalung bunga (*maalai*), menggunakan tepung wangian (*saantam*) dan menggunakan cermin muka (*kannaadi*). Amalan ini turut dibincangkan dalam Teori *Tholkaapiyam*, puisi, *koolai virittal kaatondru kalaital* (*Tholkaappiyam, Porulatigaaram, Meipaaddiyal:258*) dan *alku taivaral anintavai tiruttal* (*Tholkaappiyam, Porulatigaaram, Meipaaddiyal:259*) secara meluas membincangkan tatacara perhiasan diri golongan perempuan dan lelaki.

### 5.3 Amalan Pakaian

Kehidupan manusia di dunia ini merangkumi tiga keperluan asas iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Ketiga-tiga unsur ini memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan manusia, di antara ketiga-tiga unsur ini pakaian merupakan keperluan yang berkaitan dengan maruah dan perwatakan manusia. Perwatakan manusia diceriakan dengan pakaian yang bersesuaian.

Pakaian digelar sebagai *aadai* atau *udai* oleh masyarakat Tamil. Pengertian yang paling umum bagi pakaian ialah sesuatu yang digunakan sebagai penutup tubuh badan atau anggota badan. Pakaian menjamin maruah dan nilai diri manusia. Maruah dan nilai diri seseorang ditonjolkan melalui pemakaian yang kemas dan teratur.

Manusia memakai pakaian berdasarkan keperluan sosial dan keselamatan diri. Pakaian menutup anggota badan dari pandangan orang lain serta mengekalkan maruah diri seseorang. Di samping itu pakaian juga melindungi badan manusia daripada cuaca panas dan sejuk serta alam persekitaran.

Baju, seluar dan sarung merupakan pakaian asas bagi manusia. Baju dikenali sebagai *saddai*, *mhelaadai* dan *meipai* manakala seluar pula dikenali sebagai *kaarsaddai* dan *kaccai*.

Penggunaan perkataan *aadai* dan *kaccai* dapat diketahui melalui puisi berikut:

நீலக் கச்சப் பூவார் ஆடைப்  
பீலிக் கண்ணிப் பெருந்தகை மறவன்

(*Purananuru*,274:1-2)

*neela kaccai poovaar aadai*  
*peeli kanni peruntagai maravan*

- *wira memakai baju bercorak bunga dan seluar berwarna biru*

Pujangga *Ulochanaar* memaklumkan pakaian yang digunakan oleh seorang wira. Wira (*maravan*) ini memakai baju bercorak bunga (*poovar aadai*) dan seluar berwarna biru (*neela kaccai*). Dengan ini diketahui bahawa wira ini memakai baju bercorak bunga dan seluar berwarna biru. Maklumat ini membuktikan kemahiran masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam bidang pembuatan pakaian. Mereka juga mahir mengenakan warna dan corak yang sesuai bagi pakaian.

Di samping itu, puisi ini juga memberikan maklumat tentang penggunaan pakaian tentera yang diamalkan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam* seperti pakaian bercorak bunga dan seluar berwarna biru.

Badan manusia terdiri daripada beberapa anggota dan setiap anggota badan mempunyai pakaian yang tertentu. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui amalan pemakaian *sari* oleh golongan perempuan masyarakat Tamil. Pakaian *sari* terdiri daripada satu set pakaian iaitu kain *sari* digunakan untuk menutup keseluruhan badan, *ravikkai* dipakai pada bahagian dada dan *paavaadai* pula digunakan sebagai sarung bahagian bawah di pinggang dan kaki. Pada lazimnya, pakaian manusia dikategorikan mengikut jantina lelaki dan perempuan. Kenyataan ini dibuktikan seperti berikut:

**Rajah 5.11: Pakaian Mengikut Jantina**

Bil	Lelaki		Perempuan	
	Bahasa Tamil	Bahasa Melayu	Bahasa Tamil	Bahasa Melayu
1	<i>Mhel saddai, meipai</i>	Baju	<i>Seelai, shelai</i>	Sari
2	<i>Vheddi</i>	Dhoti	<i>Ravikkai</i>	Baju yang merangkumi bahagian dada
3	<i>Talai paagai</i>	Tuala kepala seperti kopia	<i>Taavani</i>	Tuala depan
4	-		<i>Paavaadai</i>	Sarung bahagian pinggang

**Rajah 5.12: Anggota Badan dan Jenis Pakaian**

Bil.	Anggota Badan	Jenis pakaian	
		Bahasa Tamil	Bahasa Melayu
1	Kepala	<i>Talai paagai</i>	Topi, tuala kepala
2	Tangan	<i>Kaiyurai</i>	Sarung tangan
3	Badan	<i>Saddai, ravikkai</i>	Baju
4	Kaki	<i>Kaalani, seruppu dan kaalurai</i>	Seluar, sarung, kasut, selipar dan sarung kaki

Pada dasarnya, pakaian mencerminkan kebudayaan dan corak kehidupan sesuatu kaum. *Udai, aadai, meipai, tuni, tundu* dan *seelai* merupakan beberapa perkataan yang berkaitan dengan amalan pemakaian masyarakat Tamil. Masyarakat Tamil zaman *cangam* mahir dan berkreaitif dalam proses perekaan dan pembuatan pakaian. Mereka berjaya menghasilkan pelbagai jenis pakaian. Tatacara pemakaian mereka adalah mengikut cuaca panas dan sejuk, majlis dan aktiviti seperti upacara keagamaan, perkahwinan dan pekerjaan. Golongan raja, petani, pemburu, askar dan peniaga memiliki jenis pakaian yang tersendiri. Pakaian mereka bersesuaian dengan perlakuan hariannya.

Secara umum masyarakat Tamil zaman *cangam* suka memakai pakaian jenis nipis. Kebanyakan aktiviti mereka adalah aktiviti lasak dan memerlukan pakaian tahan lasak. Beberapa bahan digunakan untuk menghasilkan pakaian. Bahan pembuatan pakaian bergantung kepada status ekonomi mereka. Masyarakat biasa menggunakan bulu, kulit haiwan, daun dan kulit pokok untuk membuat pakaian. Manakala, orang atasan menggunakan pakaian yang dibuat daripada benang, sutera mutiara dan manik.



Pada hakikatnya, pakaian yang ringkas dan kemas merupakan pilihan utama masyarakat Tamil zaman *cangam*

உண்பது நாழி உடுப்பது நான்கு முழம்

(*Nalvali,28:1*)

*unbatu naali uduppatu naanggu mulam*

- *manusia memerlukan makanan sebanyak empat kali sehari dan kain sebanyak empat depa*

உண்பது நாழி; உடுப்பவை இரண்டே

(*Purananuru,189:5*)

*unbatu naali; uduppatu irande*

- *memakan empat kali sehari, memakai dua helai pakaian*

Pujangga *Avvaiyaar* (*Nalvali:28*) menyatakan tentang saiz kain (*naanggu mulam*) yang diperlukan untuk menghasilkan pakaian. Menurut pujangga *Madurai Kanakkaayanaar* *Maganaar Nakkeeranaan* seseorang hanya memerlukan dua jenis pakaian iatu pakaian badan bahagian atas seperti baju dan bahagian bawah seperti seluar dan sarung.

Menurut *Thiruvalluvar* pakaian merupakan unsur yang paling asas dalam menentukan maruah diri seseorang. Apabila pakaian tertanggal dari badan, tangannya bergerak secepat kilat untuk membetulkan kedudukan pakaian (*udukkai ilantavan kaipola*).

உடுக்கை இழந்தவன் கையோல ஆங்கே

இடுக்கன் களைவதுஆம் நட்பு

(*Thirukkural,Nadpu:788*)

*udukkai ilantavan kaipola aangke*

*idukkan kalaivataam nadpu*

- *apabila tertanggal pakaian dari badan, maka tangan akan bergerak secara pantas untuk membetulkan kedudukan pakaian*

உடைசெல்வம் ஊண்ஒளி கல்விஎன்று ஐந்தும்

அடையாவாம் ஆயம் கொளின்

(*Thirukkural,Sootu:939*)

*udaiselvam oonoli kalviyendrun aintum*

*adaiyaavaam aayam tolin*

- *seseorang akan kehilangan segala-galanya termasuk pakaian, harta, keceriaan, ilmu sekiranya terlibat dalam permainan judi*

Menurut kuplet ini, apabila pakaian tertanggal, seseorang membetulkan kedudukan pakaiannya secepat kilat demi menjaga maruah diri. Maka, dapat dirumuskan bahawa, pakaian merupakan elemen penting dalam menjaga maruah diri seseorang.

*Thiruvalluvar* berpendapat bahawa pakaian merupakan keperluan yang paling penting dalam menjaga maruah diri seseorang. Menurut kuplet *Thirukkural, Sootu:939*, permainan judi akan melenyapkan pakaian, kekayaan, nama baik, makanan dan ilmu yang dimiliki oleh seseorang. Dalam kuplet ini *Thiruvalluvar* menempatkan pakaian di tempat pertama. Ini menunjukkan kepentingan pakaian dalam mengekalkan maruah diri manusia.

### 5.3.1 *Udai Uruvaakkam (Pembuatan Pakaian)*

Antologi *Akananuru* memaklumkan tata cara pembuatan pakaian pada zaman *cangam*. Mereka menggunakan kapas yang diperolehi daripada pokok kapas. Kapas diproses menjadi benang dan kain. Proses pembuatan kain dimaklumkan dalam antologi *Akananuru*.

வில்எறி பஞ்சியின் வெண்மழை தவழும்

(*Akananuru, 133:6*)

*villeri panciyin venmalai tavalum*

- *buah kapas dijatuhkan dari pokok dengan cara memanah, lalu dibersihkan dan dijadikan kapas putih bagaikan awan*

Menurut baris ini, kapas merupakan bahan utama dalam proses pembuatan kain. Buah kapas dijatuhkan daripada pokok dengan cara memanah (*villeri panciyin*). Selepas itu, kapas dikutip dan dibersihkan dengan mengasingkan biji hitam. Kapas tulin ini kelihatan seperti awan putih (*venmalai tavalum*) dan diproses menjadi kain.

Proses pembersihan kapas dan pembuatan kain dilakukan oleh golongan perempuan. Antologi *Purananuru* menyatakan bahawa golongan perempuan melakukan kerja-kerja pembersihan dan pembuatan kain pada waktu malam (*parutti pendin*). Mereka menggunakan sejenis lampu kecil (*siru tee vilakkattu*) bagi mencerahkan keadaan gelap.

பருத்திப் பெண்டின் சிறுதீ விளக்கத்து

(*Purananuru,326:5*)

*parutti pendin sirutee vilakkattu*

- *para gadis yang membersihkan kapas menggunakan lampu kecil menerangi gelap*

ஆள்தில் பெண்டர் தாளின் செய்த

நுணங்கு நுண் பனுவல் போல, கணம் கொள

(*Nadrinai,353:1-2*)

*aalil pendir taalin seita*

*nunanggu nun panuval pola, ganam kola*

- *para gadis mengutip buah kapas untuk membuat kain*

Puisi *Nadrinai:353* menggambarkan perlakuan golongan perempuan yang mengutip kapas (*nun panuval*) untuk membuat pakaian.

Perlakuan menghiaskan diri dengan pakaian merupakan salah satu amalan universal. Amalan ini merupakan aktiviti harian yang penting bagi manusia. Karya-karya kesusasteraan Tamil zaman *cangam* membincangkan banyak maklumat tentang pakaian masyarakat Tamil.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* memberikan tumpuan khas bagi pakaian dan pembuatan pakaian. Mereka mengenalpasti bahan-bahan yang sesuai bagi pembuatan pakaian. *Tholkaapiyar* membentangkan beberapa maklumat tentang pakaian melalui kedua-dua *noorpa* berikut :

ஊழணி தைவரல் உடையெயர்த்து உடுத்தலொடு

(*Tholkaapiyam, Porulatigaaram, Meipaaddiyal:258*)

*oolani taivaral udai peyartalodu*

- *memakai pakaian yang cantik dan kemas*

அல்குல் தைவரல் அணிந்தவை திருத்தல்

(*Tholkaapiyam, Porulatigaaram, Meipaaddiyal:259*)

*alku taivaral anintavai tiruttal*

- *gadis yang membetulkan kedudukan pakaian dan barang-barang perhiasan diri*

Kedua-dua *noorpaa* ini memaklumkan perlakuan golongan perempuan yang menghiaskan diri dengan pakaian yang sesuai. Mereka memakai pakaian yang cantik dan kemas. Pakaiannya menarik perhatian orang lain. *Noorpaa* yang ke-258 menyatakan perlakuan seorang perempuan yang menukar pakaian (*udai peyartalodu*). *Noorpaa* yang ke-259 pula menyatakan perlakuan mengawasi dan membetulkan kedudukan barang-barang perhiasan dan pakaian oleh golongan perempuan (*alku taivaral anintavai tiruttal*).

Masyarakat Tamil zaman *cangam* meluangkan banyak masa dan tenaga untuk menghasilkan pakaian yang cantik dan menarik. Pelbagai bahan digunakan untuk menghasilkan pakaian yang bermutu tinggi. Pembuatan pakaian merupakan salah satu kemahiran yang penting. Mereka mempunyai kemahiran menghasilkan pakaian yang bersesuaian dengan tempat tinggal, cuaca dan perlakuan harian. Pujangga *Kayamanaar* memaparkan maklumat tentang pakaian masyarakat kawasan *Paalai*.

.....தண்தழை உடையெ

(*Akananuru,7:2*)

..... *tantalai ulaiyai*

- *baju yang dibuat daripada daun*

ஒலிக்குலைச் செயலை உடைமாண் அல்குல்

(*Akananuru,7:19*)

*olikkulai seyalai udaimaan alkul*

- *baju yang dibuat daripada daun pokok 'asoka'*

விழவுஅணி மகளிர் தழைஅணிக் கூட்டும்

(*Akananuru,70:12*)

*vilavuani magalir talaiani kooddum*

- *daun digunakan untuk membuat baju*

Melalui puisi-puisi ini, dapat diketahui bahawa masyarakat Tamil zaman *cangam* membuat baju daripada daun pokok 'asoka' (*kulai seyalai : Akananuru,7*). Perkataan *tan* (*tantalai: Akananuru,7*) merujuk kepada keadaan sejuk manakala *talai udai* (*Akananuru:7*) merujuk kepada daun pokok 'asoka'. Penggunaan daun pokok dalam pembuatan baju turut dipaparkan dalam puisi yang ke-70 (*talaiani kooddum*)

Pujangga *Madurai Maruthanilanaaganaar* juga menyatakan maklumat tentang pakaian daun pokok.

அண்டர் மகளிர் தண்தழை உடையார்

(*Akananuru,59:5*)

*andar magalir tantalai udeeyar*

- *gadis-gadis tanah Paalai memakai pakaian yang dibuat daripada daun*

Kaum perempuan golongan *aayar* di kawasan *Paalai* memakai pakaian daun pokok (*tantalai udeeyar*). Pernyataan ini dikukuhkan oleh pujangga *Ulocchanaar* melalui puisi yang ke-20.

வெண்தலைப் புணரி ஆயமொடு ஆடி  
மணிப்பூம் பைந்தழை தைஇ, அணித்தகம்

(*Akananuru,20:8-9*)

*ventalai punari aayamodu aadi  
manippoom paintalai taiyee, anittaga*

- *gadis-gadis yang bermandi di tepi pantai, lalu memakai pakaian yang dibuat daripada daun segar*

Para gadis yang bermandi-manda di tepi pantai. Airnya jernih bagaikan kapas putih (*ventalai punari*) dan selepas bermandi-manda mereka memakai baju yang dibuat daripada daun segar (*paintalai taiyee*). Puisi ini membuktikan amalan pemakaian yang dianuti oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

### 5.3.2 *Shelai, Seelai (Sari)*

*Shelai* ataupun *seelai* merupakan pakaian utama golongan perempuan masyarakat Tamil. Pakaian ini dikenali sebagai sari dalam bahasa Melayu. Amalan pemakaian sari masih lagi diutamakan oleh masyarakat Tamil. Sari mempunyai nilai kebudayaan yang tinggi. Ia adalah sehelai kain yang tidak dijahit, berlingkungan dari empat meter panjang dan ditabir ke atas badan dalam pelbagai gaya. Pada lazimnya kain sari di balut si sekeliling pinggang dengan satu hujung menabir keseluruhan tubuh badan.

Sari dibuat daripada pelbagai bahan seperti kapas, benang dan benang sutera (*paddu nool*). Bahan-bahan ini merupakan bahan utama dalam pembuatan sari. Pelbagai perhiasan sulaman dibuat pada kain sari bagi mencantikkan kain sari.

Pemakaian sari dipaparkan dalam antologi *Akananuru* oleh pujangga *Nallaavoor Kilaar* :

கொடும்புறம் வளைஇக், கோடக் கலிங்கத்து

(*Akananuru*,86:21)

*kodumpuram valai, kodi kalingkattu*

- *gadis yang memakai sari bermutu tinggi*

Suatu majlis perkahwinan berlangsung di kawasan *Marutham*. Pengantin perempuan dipakaikan dengan pelbagai barang perhiasan diri di antaranya ialah sari yang bermutu tinggi. Perkataan *kodi kalingkattu* merujuk kepada sari yang bermutu tinggi. Sari jenis ini menjamin kecantikan serta perwatakan pengantin perempuan. Melalui fakta ini dapat dirumuskan bahawa sari merupakan salah satu pakaian klasik masyarakat Tamil.

### 5.3.3 *Todutor (Selipar)*

Selipar ialah sejenis alas kaki yang tidak menutupi tumit atau belakang kaki. Selipar dihasilkan melalui pengalaman harian manusia. Manusia berjalan di atas lantai yang penuh dengan pelbagai objek seperti batu, kayu dan lumpur. Objek-objek ini menjadi halangan dan

cabaran kepada pergerakan manusia. Oleh yang demikian manusia mencipta alas tapak kaki supaya dapat berjalan dengan mudah dan cepat. Alas kaki ini dikenali sebagai *todutor*, *seruppu* dan *kaalani* dalam bahasa Tamil.

Terdapat beberapa maklumat tentang pemakaian selipar dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Pujangga *Madurai Marutanila Naaganaar* menyatakan penggunaan selipar oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

தொடுத்தோற் கானவன் சூடுறு வியன்புனம்  
கரிபுறம் கழீஇய பெரும்பாட்டு ஈரத்து

(*Akananuru, 368:1-2*)

*todutor kaanavan sooduru viyanpunam*  
*karipuram kaleeya perumpaaddu eerattu*

- *jejaka tanah Kurinchi yang memakai selipar*

Kaum pribumi yang tinggal di hutan *Kurinchi* (*kaanavan*) memakai sejenis alas pada tapak kaki yang dikenali sebagai *todutor* iaitu selipar. Seorang jejaka kawasan *Kurinchi* memakai selipar pada kakinya (*todutor kaanavan*).

Penggunaan selipar turut dibincangkan oleh pujangga *Maamoolanaar* .

நுரைதெரி மத்தம்கொளீஇ, நிரைப் புறத்து  
அடிபுதை தொடுத்தோல் பறைய ஏகிக்  
கடிபுலம் கவர்ந்த கன்றுடைக் கொள்ளையர்

(*Akananuru, 101:8-10*)

*pencuri kaum malavar yang mahir*  
*mencuri harta dan ternakan*  
*memakai selipar supaya tidak dapat dikesan*

Puisi ini menyatakan suatu maklumat yang menarik tentang amalan pemakaian selipar oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Golongan *malavar* yang tinggal di kawasan *Paalai* mencuri harta dan ternakan orang lain (*kadipulam kavarnata kandrudai kollaiyar*). Puak *malavar* memakai selipar agar tidak dapat dikesan tapak kaki (*adiputai toduthol paraiya*).

Amalan memakai selipar merupakan suatu perlakuan yang lumrah dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Terdapat beberapa bukti tentang kewujudan amalan memakai selipar. Pujangga *Kudavaayil Keerattanaar* memaparkan penggunaan selipar dalam kalangan masyarakat *malavar*.

கொழுப்புஆ தின்ற கூர்ம்படை மழவர்  
செருப்புடை அடியர்.....

(*Akananuru, 129:12-13*)

*koluppuaa tindra koormpadai malavar  
seruppudai adiyar .....*

- *kaum malavar yang memakan daging kambing segar  
memakai selipar*

Golongan *malavar* yang memakan daging kambing segar (*koluppu aa tindra koormpadai malavar*), kakinya beralaskan selipar (*seruppudai adiyar*). Puisi ini menjelaskan amalan masyarakat Tamil zaman *cangam* yang memakai selipar.

#### 5.3.4 Kesimpulan

Pakaian merupakan keperluan asas dalam mengekalkan maruah dan keselamatan diri manusia. Masyarakat Tamil zaman *cangam* mengamalkan pemakaian pelbagai jenis pakaian seperti sari (*shelai*), baju dan juga *vheddi*. Mereka juga menggunakan selipar (*todutor*) semasa berjalan di dalam hutan. Di samping itu, mereka juga memiliki kemahiran yang unik dalam menghasilkan pakaian harian. Mereka berjaya menghasilkan pakaian berdasarkan kepada tempat kehidupan, cuaca dan perlakuan harian. Terdapat beberapa pakaian khas untuk majlis tertentu seperti perkahwinan, perayaan dan upacara keagamaan.



